Hujung Minggu
قليتا بروني
PELITA BRUNEI
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
70 TAHUN 1956-2026
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڠ ايمان

**RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maksudnya : "Daripada Khaulatal Ansariyiah Radiallahuanha ia berkata : Aku mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Bahawasanya orang yang mencampuradukkan harta Allah dengan jalan yang tidak halal, maka mereka akan mendapat seksa api neraka pada Hari Kiamat kelak".**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.45 | SUBUH 4.55 | SYURUK 6.12 | DUHA 6.34 | ZUHUR 12.18 | ASAR 3.19 | MAGHRIB 6.22 | ISYAK 7.31 | Daerah Belait ditambah 3 minit, Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 109 | 12 SEPTEMBER 2026 / 1448 ربيع الأول 30 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

# BERANGKAT MENYAKSIKAN PIALA FA MALAYSIA



**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**BERAKAS**, Rabu, 9 September. - DPMM FC kalah tipis 2 - 3 ke atas Terengganu FC dalam aksi timbal balik pertama pusingan 16 Piala FA Malaysia 2026-2027 yang berlangsung malam tadi di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

>> Muka 3

**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan perlawanan. Juga berangkat, paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia. - Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit.**

# 49 pegawai ABDB dinaikkan pangkat

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

**BERAKAS**, Jumaat, 11 September. - Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seramai 49 pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah diperkenankan untuk dinaikkan pangkat.

>> Muka 4

# Usahawan mainkan peranan membangunkan perniagaan berdaya saing

**Oleh : Pg Vivy Malessa Pg Ibrahim**

**JERUDONG**, Khamis, 10 September. - Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berkata bahawa dalam usaha Negara Brunei Darussalam (NBD) meneruskan agenda kepelbagaian ekonomi serta merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035, pembangunan sektor swasta yang lebih kukuh, dinamik dan berdaya saing kekal penting bagi masa depan ekonomi negara ini.

Yang Berhormat menegaskan perkara itu semasa berucap pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Perniagaan Shell LiveWire Brunei Edisi Ke-19 yang berlangsung di Dewan Royal Berkshire, Jerudong Park and Polo Country Club, di sini.

Menurut Yang Berhormat, para usahawan memainkan peranan yang penting dalam membangunkan perniagaan yang berdaya saing, mewujudkan peluang serta menyumbang nilai yang lebih besar kepada ekonomi kita.

Namun demikian, kata Yang Berhormat, membina dan mengekalkan perniagaan yang berjaya merupakan satu perjalanan yang berterusan.

Para usahawan, jelas Yang Berhormat lagi, perlu bersedia untuk memperkukuh operasi, memahami keperluan pelanggan, mengurus kewangan secara bertanggungjawab serta melabur dalam pembangunan tenaga kerja.

>> Muka 5

# Bacaan Yaa Siin, Tahlil semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 10 September. - Sambutan Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal tahun ini menjadi wadah untuk memperingati sejarah dan perkembangan pendidikan ugama formal di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang bermula pada 1956 dengan penubuhan sekolah-sekolah ugama.

Dalam tempoh tujuh dekad, pendidikan ugama formal terus berkembang dan menjadi antara tunjang penting dalam membentuk generasi yang berilmu, berakhlak dan berpegang teguh kepada ajaran Islam.

Sehubungan itu, seramai 300 pegawai dan guru di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) petang tadi menghadiri Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil sempena Sambutan Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal, bertempat di Kubah Makam Diraja, di sini.

>> Muka 8

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG PELITA BRUNEI | Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

## Berita Utama



**ARCA Dream Boat simbol persahabatan, kerjasama, pertukaran budaya**

Muka 7



**PLATFORM IhsanBN perkukuh keyakinan masyarakat dalam aktiviti kebajikan**

Muka 11



**PROGRAM Literasi Penerangan bentuk belia berwawasan, bertanggungjawab**

Muka 14




**KESELAMATAN kewangan : Bersedia hadapi perkara tidak dijangka**

Muka 28

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# Penyerahan bendera lambang amanah kontinjen negara ke Sukan Komanwel 2026

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**
**Bismillahir Rahmanir Rahim.**
**Alhamdulillahi Rabbil `Alameen.**
**Wasaalatu Wassalaamu `Ala Asyrafil Ambiae Walmursaleen,**
**Saidina Muhammadin Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajama'een**

**HAMBA** Duli Tuanku menyembahkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua *abis* Hamba Duli Tuanku bersama para hadirin dapat berkumpul pada majlis pagi ini, iaitu Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Komanwel Ke-23.

Dalam perkara ini, hamba Duli Tuanku bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menyembahkan setinggi-tinggi junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam atas titah perkenan baginda bagi Negara Brunei Darussalam menyertai Sukan Komanwel Ke-23, pada tahun ini yang akan berlangsung di Glasgow, Scotland pada 23 Julai hingga 2 Ogos 2026.

Bagi pihak KKBS, hamba Duli Tuanku dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan penghargaan atas keberangkatan Duli Tuanku ke majlis pagi ini, yang mana keberangkatan Duli Tuanku ke majlis ini adalah disanjung tinggi dan penuh bermakna, dalam mana keberangkatan Duli Tuanku ini menunjukkan sokongan dan keprihatinan Duli Tuanku yang berterusan dalam kemajuan dan pembangunan sukan di negara ini.

Terlebih dahulu, hamba Duli Tuanku menjunjung perkenan Duli Tuanku bagi hamba Duli Tuanku menyampaikan sepatah dua kata kepada para jemputan yang hadir di majlis pagi ini.

Sukan Komanwel merupakan temasya sukan pelbagai acara yang menghimpunkan atlet daripada negara dan wilayah anggota Komanwel. Temasya ini dianjurkan setiap empat tahun di bawah seliaan Commonwealth Sport dan merupakan antara kejohanan sukan terbesar di dunia selepas Sukan Olimpik dan Sukan Asia. Selain menjadi platform pertandingan bertaraf antarabangsa, Sukan Komanwel turut memainkan peranan penting dalam memperkukuh hubungan persahabatan, memupuk perpaduan serta menyemarakkan semangat kesukanan dalam kalangan negara anggota Komanwel.

Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam sekali lagi akan menyertai Sukan Komanwel dengan penyertaan dalam tiga acara sukan, iaitu olahraga, renang dan angkat berat. Kontinjen negara terdiri daripada enam orang atlet, iaitu tiga lelaki dan tiga wanita, yang akan diiringi oleh enam orang pegawai merangkumi seorang Chef de Mission, seorang ketua urus setia, seorang pegawai urus setia, serta tiga orang jurulatih.

Peramba saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para atlet yang terpilih mewakili Negara Brunei Darussalam. Semoga para atlet sentiasa memberikan persembahan terbaik, menjunjung semangat kesukanan serta meletakkan nama negara di kedudukan yang terpuji.

Di samping mengejar kecemerlangan prestasi, jagalah tingkah laku dan nama baik negara dengan penuh integriti. Di luar gelanggang, abiskita adalah juga wajah kepada negara. Tunjukkan disiplin yang jitu, mematuhi segala peraturan dan elakkan sebarang perkara yang boleh menjejaskan imej negara.

Kepada para atlet, jadikanlah penyertaan ini sebagai satu peluang dan cabaran untuk terus mempertingkatkan prestasi dengan persediaan fizikal dan mental yang kental, serta keyakinan diri yang tinggi. Lakukan yang terbaik demi mencapai puncak prestasi awda sendiri. Setiap titisan peluh di gelanggang adalah bukti perjuangan *abiskita* yang sudah setentunya menerbitkan kebanggaan semua.

Sekali lagi, hamba Duli Tuanku menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Duli Tuanku ke Majlis Penyerahan Bendera pada pagi ini. Hamba Duli Tuanku menjunjung ampun dan maaf jika terdapat sebarang suruk langkah dan tutur kata yang kurang manis yang tidak disengajakan di dalam melaksanakan majlis pada pagi ini.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dalam sembah ucapan pada Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Komanwel Ke-23 2026 Glasgow Scotland pada Isnin, 13 Julai 2026 yang berlangsung di Bilik Hijau Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| SEPTEMBER MASIHI | HARI | RABIULAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 12 | SABTU | 30 | 4 . 45 | 4 . 55 | 6 . 12 | 6 . 34 | 12 . 18 | 3 . 19 | 6 . 22 | 7 . 31 |
| 13 | AHAD | 1 RABIULAKHIR | 4 . 44 | 4 . 54 | 6 . 12 | 6 . 34 | 12 . 17 | 3 . 19 | 6 . 21 | 7 . 30 |
| 14 | ISNIN | 2 | 4 . 44 | 4 . 54 | 6 . 11 | 6 . 34 | 12 . 17 | 3 . 19 | 6 . 21 | 7 . 30 |
| 15 | SELASA | 3 | 4 . 44 | 4 . 54 | 6 . 11 | 6 . 33 | 12 . 17 | 3 . 20 | 6 . 20 | 7 . 29 |
| 16 | RABU | 4 | 4 . 44 | 4 . 54 | 6 . 11 | 6 . 33 | 12 . 16 | 3 . 20 | 6 . 20 | 7 . 29 |
| 17 | KHAMIS | 5 | 4 . 44 | 4 . 54 | 6 . 11 | 6 . 33 | 12 . 16 | 3 . 20 | 6 . 19 | 7 . 28 |
| 18 | JUMAAT | 6 | 4 . 44 | 4 . 54 | 6 . 11 | 6 . 33 | 12 . 16 | 3 . 20 | 6 . 19 | 7 . 28 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 34 25 °C | 33 24 °C | 32 25 °C |
| Pekan Bangar | 34 25 °C | 33 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Tutong | 34 25 °C | 33 24 °C | 32 25 °C |
| Kuala Belait | 34 25 °C | 33 24 °C | 32 25 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 12 SEPTEMBER 2026

### Hargai setiap nikmat yang diberikan

**KADANGKALA** kita terlalu sibuk melihat apa yang belum kita miliki sehingga terlupa untuk mensyukuri apa yang telah Allah berikan. Kita mengejar dunia tanpa henti, sedangkan begitu banyak nikmat yang sebenarnya telah berada di hadapan mata. Kita masih mampu bernafas, berjalan, melihat, mendengar, tersenyum dan beribadah, semuanya adalah nikmat daripada Allah Taala.

Syukur bukan sekadar mengucapkan Alhamdulillah di bibir. Syukur yang sebenar ialah mengakui bahawa segala yang kita miliki datang daripada Allah, kemudian menggunakan nikmat tersebut pada jalan yang diredai-Nya. Jika diberikan harta, gunakanlah untuk kebaikan. Jika diberikan ilmu, sebarkanlah manfaat. Jika diberikan kesihatan, gunakanlah untuk beribadah. Jika diberikan keluarga, sayangilah dan jagalah mereka dengan sebaik-baiknya.

Sesungguhnya syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala itu sangat luas, syukur bukan sekadar diungkapkan pada lisan tetapi bermula daripada hati yang mengakui bahawa setiap nikmat ialah kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala lalu dibuktikan melalui ketaatan. Syukur boleh dizahirkan dalam pelbagai bentuk ketaatan dan amalan harian kita, antaranya, bersyukur dengan hati, bersyukur dengan lisan dan bersyukur dengan perbuatan.

Ketahuilah bahawa kehidupan tidak selamanya mudah. Ada masa kita diuji dengan kesusahan, kehilangan, kekecewaan dan kesedihan. Namun, seorang mukmin sentiasa berusaha mencari hikmah di sebalik setiap ketentuan Allah. Ketika mendapat nikmat, dia bersyukur. Ketika diuji, dia bersabar. Dalam kedua-dua keadaan, hatinya tetap bergantung kepada Allah.

Janganlah kita menjadi insan yang lupa diri, apatah lagi bersifat sombong dan bongkak hingga berat untuk mengucapkan terima kasih. Sesungguhnya berterima kasih adalah cerminan hati orang yang bersyukur dan jiwa yang tahu mengenang budi.

Maka, marilah kita belajar untuk menghargai setiap perkara kecil yang Allah hadirkan dalam kehidupan kita. Jangan menunggu kehilangan sesuatu untuk menyedari betapa berharganya nikmat tersebut. Hargailah ibu bapa selagi mereka masih ada. Sayangilah keluarga selagi diberi kesempatan. Jagalah kesihatan sebelum datangnya sakit. Gunakan masa sebelum ia berlalu. Dan dekatkanlah diri kepada Allah sebelum datang saat kita tidak lagi mempunyai kesempatan.

Semoga hati kita sentiasa dipenuhi rasa syukur, bukan hanya ketika menerima apa yang kita inginkan, tetapi juga ketika Allah menentukan sesuatu yang berbeza daripada apa yang kita harapkan.

Sama-samalah kita berdoa mudah-mudahan raja kita, diri kita, ahli keluarga kita serta seluruh rakyat dan penduduk negara ini mendapat rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan selamat dari segala wabak penyakit dan segala mara bahaya. *Amin Ya Rabbal Alamin.* – **Ketua Penyuntingan (Ad)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**



دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Berangkat menyaksikan Piala FA Malaysia





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berangkat bagi menyaksikan perlawanan di antara DPMM FC menentang Terengganu FC pada Piala FA Malaysia 2026-2027. Juga berangkat, paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia (atas dan atas kiri).

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Muhammad Asri Awang Haji Abas**

>> Muka 1

Berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri di JPM dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Separuh masa pertama menyaksikan DPMM FC dengan bijak mengatur beberapa serangan dan akhirnya berjaya menjaringkan gol pada minit ke-11, apabila Jordan Murray melonjak tinggi untuk menanduk masuk dengan kemas, hasil hantaran lintang tepat pemain sayap kanan, Farris Izdiham.

Perlawanan seterusnya menyaksikan DPMM FC terus lagi mengawal permainan dan melakukan beberapa serangan, namun nasib lebih menyebelahi pasukan Terengganu FC apabila Ubaidullah Shamsul berjaya menyamakan jaringan pada minit ke-29.

Gol berkenaan adalah susulan daripada bola muntah yang diselamatkan oleh penjaga gawang DPMM FC dari sepakan penjuru yang dilakukan pasukan pelawat, bola tersebut jatuh tepat kepada Ubaidullah Shamsul dan seterusnya menjaringkan dari jarak dekat.

Selang beberapa minit kemudian, Jordan Murray sekali lagi beraksi cemerlang pada perlawanan tersebut setelah menerima umpanan dari arah tengah dan seterusnya dengan tenang menjaringkan gol pada minit ke-40.

DPMM FC sekali lagi gagal melakukan pertahanan menerusi sepakan percuma dilakukan oleh Terengganu FC menemui Ubaidullah Shamsul pada minit ke-44 yang melakukan tandukan menewaskan penjaga gawang DPMM FC, Samuel Somerville.

Babak kedua perlawanan menyaksikan Terengganu FC lebih banyak mengawal permainan, melakukan beberapa serangan dan akhirnya berjaya menjaringkan gol pada minit ke-85 menerusi Romel Morales, setelah mendapat umpanan dari pemain sayap kanan, Daniel Amier Norhisham.

Perlawanan kekal 2 - 3 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.

Perlawanan aksi timbal balik kedua seterusnya akan berlangsung di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Terangganu, pada minggu hadapan, 16 September 2026.






ANTARA aksi perlawanan di antara DPMM FC menentang Terengganu FC (atas, kiri sekali dan kiri).




ANTARA yang hadir memberikan sokongan padu kepada DPMM FC (bawah dan bawah kanan).






# 49 PEGAWAI ABDB DINAIKKAN PANGKAT

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

>> Muka 1

Lima pegawai dinaikkan pangkat daripada Pemangku Mejar kepada Mejar Tetap, sembilan pegawai dinaikkan pangkat daripada Kapten / Leftenan (Tentera Laut Diraja Brunei - TLDB) Tetap kepada Mejar / Leftenan Komander (TLDB) Tetap, 10 pegawai dinaikkan pangkat daripada Kapten Tetap kepada Pemangku Mejar, dua pegawai dinaikkan pangkat daripada Pemangku Kapten / Leftenan (TLDB) kepada Kapten / Leftenan (TLDB) Tetap dan 23 pegawai dinaikkan pangkat dari Leftenan / Leftenan Madya (TLDB) kepada Kapten / Leftenan (TLDB) Tetap.

Majlis Penyampaian Lencana Kenaikan Pangkat telah disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan yang diadakan di Mes Pegawai, Berakas Garison, hari ini.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan Jawatankuasa Eksekutif ABDB, pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan serta ahli keluarga pegawai-pegawai yang telah dinaikkan pangkat.



MAJLIS Penyampaian Lencana Kenaikan Pangkat disempurnakan oleh Pemerintah ABDB. Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar bagi memberkati majlis tersebut.

# Penyampaian sumbangan bantu pembinaan tempat letak kereta Masjid An-Na'im

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**MUKIM MENTIRI**, Jumaat, 11 September. - Keprihatinan dan semangat amal jariah sekumpulan pesara Pegawai Kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) terus dizahirkan menerusi sumbangan sebanyak BND10,000 kepada Masjid An-Na'im, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mengkubau, hari ini.

Sumbangan tersebut merupakan hasil kutipan amal jariah Kumpulan Gloria Jeans, khusus bagi membantu pembinaan tempat letak kereta masjid berkenaan, sekali gus meningkatkan kemudahan dan keselesaan para jemaah.

Derma berkenaan disampaikan oleh Leftenan Kolonel (B) Haji Nasir bin Haji Momin kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Saifullah bin Haji Rosli, yang diadakan selepas selesai menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat.

Hadir menyaksikan penyerahan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Penaung Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid An-Na'im, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud; Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri; ketua-ketua dan pemangku ketua kampung di bawah RPN Kampung Panchor, Mengkubau serta para ahli Kumpulan Gloria Jeans.

Usaha mengumpulkan sumbangan tersebut adalah sebahagian daripada komitmen kumpulan berkenaan dalam menyumbang kepada kemudahan masyarakat, khususnya para jemaah masjid.

Projek pembinaan tempat letak kereta Masjid An-Na'im melibatkan kawasan seluas kira-kira 10,000 meter persegi, yang dijangka mampu menampung lebih 200 buah kereta apabila siap nanti.

Tabung amal jariah bagi projek berkenaan mula dibuka pada Mei 2026 dan akan berlangsung sehingga Mei tahun hadapan. Setakat ini, jumlah kutipan keseluruhan tabung berkenaan telah mencecah kira-kira BND39,000.

Pihak Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid An-Na'im merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kumpulan Gloria Jeans serta para dermawan yang telah menghulurkan sumbangan bagi menjayakan usaha berkenaan.

Sumbangan tersebut bukan sahaja mencerminkan keprihatinan terhadap keperluan jemaah, malah menjadi satu bentuk amal jariah yang diharapkan terus memberikan manfaat kepada masyarakat.

Selain itu, atas amal kebajikan murni itu diharap semoga sumbangan dan usaha para dermawan berkenaan diterima Allah Subhanahu Wata'ala serta dikurniakan ganjaran pahala yang berlipat ganda.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika hadir pada majlis tersebut yang diadakan di Masjid An-Na'im.



PIHAK Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid An-Na'im merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kumpulan Gloria Jeans serta para dermawan yang telah menghulurkan sumbangan bagi menjayakan usaha berkenaan.



# USAHAWAN MAINKAN PERANAN MEMBANGUNKAN PERNIAGAAN BERDAYA SAING

Oleh : Pg Vivy Malessa Pg Ibrahim
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Yang Berhormat seterusnya menambah, cabarannya adalah untuk terus berkembang, mencipta nilai dan mengekalkan daya saing. Ini bermakna para usahawan perlu bersedia untuk melakukan penambahbaikan, menerima pakai teknologi baharu serta bertindak dengan pantas terhadap perubahan keperluan pasaran.

Di samping itu, Yang Berhormat juga menjelaskan, bagi perniagaan yang mempunyai keupayaan dan aspirasi untuk berkembang ke skala yang lebih besar, pasaran serantau dan antarabangsa menjadi semakin penting.

Jelas Yang Berhormat lagi, ASEAN, khususnya, menyediakan peluang kepada perniagaan kita untuk mengakses pasaran yang jauh lebih luas serta mengambil bahagian dalam rantaian nilai yang lebih besar. Walau bagaimanapun, memasuki pasaran baharu bukan sekadar menawarkan produk atau perkhidmatan yang sama di negara lain.

"Perniagaan perlu memahami kehendak dan jangkaan pelanggan yang berbeza, mematuhi peraturan serta piawaian antarabangsa, mengekalkan konsistensi dan kualiti, serta membangunkan rangkaian pengedaran dan perkongsian perniagaan yang boleh dipercayai.

"Peluang-peluang ini juga hadir dengan persaingan yang lebih sengit serta jangkaan yang lebih tinggi. Oleh itu, perniagaan kita perlu bersedia untuk bersaing dengan menawarkan kualiti, menerima pakai teknologi, membina daya tahan serta mempunyai keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan," ujar Yang Berhormat menjelaskan lagi.

Yang Berhormat seterusnya menambah, atas sebab inilah pendekatan Whole of Nation kekal penting. Di Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI) dan bersama Brunei Economic Development Board (BEDB), Yang Berhormat percaya kita mempunyai peranan penting untuk bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, sektor perniagaan, para pelabur, institusi kewangan serta rakan kongsi industri bagi menyokong pertumbuhan perusahaan dan memperkukuh persekitaran perniagaan NBD.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan, salah satu contoh ialah kerjasama antara Shell LiveWire Brunei, BEDB dan Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI) menerusi Startup673 Roadmap, yang menyediakan laluan yang lebih jelas dan terselaras bagi syarikat pemula niaga untuk berkembang dan mencapai tahap seterusnya.

"Matlamat kita adalah untuk melihat lebih banyak perniagaan tempatan menjadi perusahaan yang lebih mampan dan berdaya saing, yang mampu mewujudkan peluang, berkembang ke pasaran baharu serta menyumbang nilai yang lebih besar kepada ekonomi NBD," terang Yang Berhormat.

Dalam masa yang sama, jelas Yang Berhormat, sokongan daripada kerajaan dan rakan kongsi ekosistem perlu disertai dengan komitmen daripada pihak perniagaan itu sendiri. Para usahawan perlu mengambil tanggungjawab untuk mengembangkan dan memajukan perniagaan mereka dengan memperkukuh tadbir urus, memahami kedudukan kewangan dan prestasi perniagaan, mendengar keperluan pelanggan serta terus meningkatkan piawaian masing-masing.

Perniagaan yang berjaya ialah perniagaan yang mampu belajar daripada cabaran, menyesuaikan diri dan terus bergerak ke hadapan dengan kejelasan hala tuju, disiplin serta keazaman.




**YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri semasa berucap pada majlis berkenaan.**

# Anugerah mengiktiraf pencapaian usahawan, perniagaan tempatan




**YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Perniagaan Shell LiveWire Brunei Edisi Ke-19.**

**JERUDONG**, Khamis, 10 September. - Shell LiveWire Brunei mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Perniagaan Shell LiveWire Brunei Edisi Ke-19 bagi mengiktiraf pencapaian para usahawan dan perniagaan di Negara Brunei Darussalam (NBD), di samping menandakan 25 tahun sumbangan Shell LiveWire Brunei terhadap pembangunan ekosistem keusahawanan NBD.

Majlis yang berlangsung di Dewan Royal Berkshire, Jerudong Park and Polo Country Club, di sini, dihadiri oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku tetamu kehormat majlis.

Juga hadir, Pengarah Urusan Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd., Johan Atema; pegawai-pegawai kanan kerajaan, pemimpin industri, rakan kongsi, mentor serta para anggota komuniti keusahawanan.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengerusi Shell LiveWire Brunei, Awang Md. Erwan bin Md. Said mengimbas kembali kepentingan Anugerah Perniagaan dalam perjalanan 25 Tahun Shell LiveWire Brunei.

Jelasnya, sepanjang 25 tahun yang lalu, Shell LiveWire Brunei, sebagai inisiatif pelaburan sosial utama Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd., telah berusaha menggalakkan keusahawanan, mewujudkan peluang serta menyokong rakyat NBD yang berhasrat untuk merealisasikan idea mereka menjadi perniagaan.

Sebagai sebahagian daripada Program Shell LiveWire di peringkat global, inisiatif ini telah membawa pengalaman serta amalan terbaik dari 18 buah negara, di samping menyokong para usahawan pada pelbagai peringkat perjalanan mereka dan membina jaringan hubungan dalam ekosistem keusahawanan.

Sepanjang tempoh tersebut, lebih daripada 7,000 orang telah menyertai program dan aktiviti Shell LiveWire Brunei, manakala komuniti alumninya kini merangkumi lebih daripada 830 perniagaan berdaftar. Program ini juga telah menganjurkan lebih daripada 560 bengkel, sementara perniagaan dalam komuniti Shell LiveWire Brunei telah mewujudkan 247 peluang pekerjaan antara tahun 2020 hingga 2025.

"Walaupun angka-angka ini amat menggalakkan, impak sebenar yang lebih bermakna terletak di sebalik angka tersebut. Ia dapat dilihat melalui usahawan yang bermula dengan sebuah idea. Perniagaan yang mengambil langkah pertamanya. Syarikat pemula niaga yang berjaya mendapatkan pelanggan pertamanya. Pengasas yang berani mencuba sesuatu, belajar daripada pengalaman tersebut, dan mencuba lagi," jelas beliau lagi.

Beliau turut menekankan bahawa perkembangan ini juga dapat dilihat melalui ekosistem keusahawanan yang lebih luas, dengan kerjasama antara program dan organisasi seperti Startup673 dan Brunei Innovation Lab yang membantu para usahawan bergerak daripada peringkat pencetusan idea ke arah pembangunan perniagaan dan pengiktirafan.

"Ini bukanlah pencapaian mana-mana satu organisasi semata-mata tetapi hasil daripada program-program yang saling melengkapi serta sebuah ekosistem keusahawanan yang saling berhubung dan menyokong para usahawan," jelasnya lagi.

Pada tahun ini, seramai 25 syarikat pemula niaga menyertai Anugerah Perniagaan tersebut, dengan 11 syarikat pemula niaga berjaya disenarai pendek untuk mara ke peringkat akhir.

Edisi Ke-19 ini mengiktiraf perniagaan menerusi lima kategori anugerah yang mencerminkan pelbagai peringkat pembangunan, kemajuan dan impak sesebuah perniagaan.

Lima kategori anugerah tersebut ialah Most Outstanding Startup; Most Progressive Startup;Most Promising Startup; Emerging Startup dan Energy Transition Impact Award.

Most Outstanding Startup dianugerahkan kepada Deeplynx.Ai Technologies; Most Progressive Startup dianugerahkan kepada Skyvision BN; Orca Ai Solutions menerima dua anugerah iaitu Most Promising Startup dan Energy Transition Impact Award dan Emerging Startup dianugerahkan kepada Bazinga Emporium.

Para pemenang diiktiraf atas pencapaian yang mencerminkan ciri-ciri, kemajuan dan potensi yang menjadi asas kepada kategori masing-masing, sekali gus menandakan satu pencapaian penting dalam perjalanan perkembangan perniagaan mereka.

Anugerah Perniagaan ini bukan sahaja bertujuan untuk mengiktiraf pencapaian perniagaan, malah turut dirangka bagi menyokong para peserta sepanjang perjalanan pembangunan perniagaan mereka. Dalam pada itu, para peserta menyertai pelbagai aktiviti dan sesi sepanjang program sebelum menuju ke peringkat akhir, iaitu Pitch Day.

Sebagai sebahagian daripada Anugerah Perniagaan ini, para peserta mengambil bahagian dalam Sesi Industry Knowledge Sharing (IKS), yang memberikan pandangan dan pengetahuan praktikal daripada golongan profesional berpengalaman dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan pembinaan serta pengukuhan sesebuah perniagaan.

Sesi IKS tersebut menampilkan penceramah daripada Established Startups, Brunei Intellectual Property Office (BruIPO), Yusof Halim and Partners dan Epipeople Management and Consultancy, yang memberikan peluang kepada para peserta untuk mempelajari pengalaman industri, memperluaskan pemahaman serta mempertimbangkan pelbagai perspektif dalam usaha membangunkan perniagaan masing-masing.

Selepas sesi IKS, para peserta mengemukakan pelan perniagaan mereka untuk dinilai. Seramai 11 syarikat pemula niaga kemudiannya disenarai pendek untuk mara ke peringkat akhir, di mana mereka terus membuat persediaan dan memperkemas pelan perniagaan serta pendekatan pembentangan masing-masing menjelang Pitch Day.

Pada Pitch Day, syarikat-syarikat pemula niaga yang disenarai pendek membentangkan perniagaan mereka kepada panel hakim yang terdiri daripada individu berpengalaman, yang membawa kepakaran serta perspektif industri masing-masing dalam menilai para finalis bagi kelima-lima kategori anugerah.

Anugerah Perniagaan Shell LiveWire Brunei Ke-19 melabuhkan tirai dengan meraikan para usahawan, perniagaan serta rakan kongsi ekosistem yang telah menyumbang kepada pembangunan landskap keusahawanan di NBD.

Ketika Shell LiveWire Brunei melangkah ke fasa seterusnya, inisiatif ini akan terus memperkukuh asas yang telah dibina sepanjang 25 tahun yang lalu, di samping memberi tumpuan kepada peluang-peluang yang penting bagi masa depan NBD.

Daripada cetusan awal sesebuah idea kepada pembentukan perniagaan yang mampu mewujudkan peluang dan memberikan impak, perjalanan ini akan terus berkembang.

PELITA BRUNEI

# Melahirkan pemandu pelancong berkemahiran, memperkasa ekopelancongan negara

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



**YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri menyampaikan sijil kepada penerima.**

**BERAKAS**, Rabu, 9 September. - Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI) telah mencapai satu lagi pencapaian penting dalam usaha meningkatkan profesionalisme tenaga kerja sektor pelancongan melalui Majlis Penyampaian Sijil Kursus Asas Pemandu Pelancong Khusus Alam Semula Jadi dan Hidupan Liar, yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, kementerian berkenaan.

Seramai 11 peserta telah diiktiraf secara rasmi setelah berjaya menamatkan penilaian teori dan praktikal.

Penyampaian sijil kepada para peserta disempurnakan oleh tetamu kehormat, Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Kursus berkenaan telah berlangsung dari 27 Julai hingga 5 Ogos 2026 dan merupakan latihan khusus pertama seumpamanya bagi pemandu pelancong alam semula jadi dan hidupan liar yang dilaksanakan di negara ini.

Program tersebut dianjurkan dengan kerjasama strategik Laksamana College of Business (LCB) selaku institusi latihan yang dilantik.

Direka untuk meningkatkan piawaian industri, kursus berkenaan membekalkan para pemandu pelancong dengan kepakaran, kemahiran lapangan serta keyakinan yang diperlukan untuk mentafsir dan mengetengahkan kekayaan warisan alam semula jadi Negara Brunei Darussalam.

Melalui gabungan pembelajaran di dalam bilik darjah dan pengalaman praktikal di lapangan, para peserta berpeluang memperoleh pengetahuan mendalam mengenai ekosistem tempatan, pengenalpastian hidupan liar, tingkah laku haiwan serta amalan pemuliharaan yang bertanggungjawab.

Pensijilan khusus tersebut juga memastikan para pemandu pelancong tempatan mempunyai persediaan yang mencukupi untuk menawarkan pengalaman ekopelancongan yang menarik, selamat dan bermakna kepada para pengunjung, di samping memainkan peranan aktif dalam menggalakkan penghargaan serta perlindungan biodiversiti negara secara mampan.

Berikutan kejayaan pengambilan pertama tersebut, pengambilan seterusnya bagi Kursus Asas Pemandu Pelancong Khusus Alam Semula Jadi dan Hidupan Liar dijadualkan berlangsung pada Januari / Februari 2027 di LCB.

Orang ramai dan mereka yang berminat untuk mengikuti kursus berkenaan boleh menghubungi Jabatan Kemajuan Pelancongan di talian +673 2382822 untuk mendapatkan maklumat lanjut.

# KURSUS LENGKAPKAN PEMANDU PELANCONG DENGAN KEMAHIRAN ALAM SEMULA JADI



**YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri bergambar ramai pada Majlis Penyampaian Sijil Kursus Asas Pemandu Pelancong Khusus Alam Semula Jadi dan Hidupan Liar.**

**BERAKAS**, Rabu, 9 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD) memiliki antara hutan hujan yang masih terpelihara, ekosistem purba serta kepelbagaian biodiversiti yang luar biasa di dunia.

Daripada monyet belanda yang menjadi ikon dan mendiami kawasan hutan paya bakau pesisir pantai, hinggalah kanopi hutan yang masih belum tersentuh di Taman Negara Ulu Temburong, khazanah alam semula jadi negara merupakan antara sumber kebanggaan negara.

Seiring dengan peningkatan minat global terhadap ekopelancongan, permintaan terhadap pemandu pelancong yang berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai pensijilan bagi membawa para pengunjung meneroka khazanah alam semula jadi Brunei juga semakin meningkat.

Bagi mereka yang mempunyai kecintaan terhadap aktiviti luar dan ingin menjadikan minat terhadap alam semula jadi sebagai kerjaya profesional yang memberikan kepuasan, Kursus Asas Pemandu Pelancong Khusus Alam Semula Jadi dan Hidupan Liar merupakan antara peluang yang boleh diterokai.

Direka khusus bagi bakal pemandu pelancong berlesen dan pemandu pelancong peringkat permulaan, program pembangunan kapasiti selama 10 hari itu bertujuan meningkatkan standard pelancongan alam semula jadi di peringkat negara.

Kursus berkenaan membekalkan para peserta dengan kemahiran profesional, pengetahuan lapangan serta pensijilan rasmi yang diperlukan untuk mengetengahkan keindahan hutan hujan yang masih terpelihara dan kepelbagaian hidupan liar NBD kepada para pengunjung dari dalam dan luar negara.

Kurikulum komprehensif kursus tersebut menggabungkan pembelajaran teori di Laksamana College of Business dengan latihan praktikal secara langsung di lapangan.

Para peserta didedahkan kepada pelbagai aspek, termasuk ekologi tempatan, pengenalpastian tumbuhan dan pokok, peraturan perhutanan, undang-undang pelancongan serta pengurusan risiko berkumpulan.

Latihan praktikal pula membawa para peserta meneroka habitat semula jadi Brunei, termasuk interpretasi flora di Taman Botani Universiti Brunei Darussalam, navigasi bot pada waktu malam di sepanjang kawasan hutan paya bakau pesisir pantai, menjalankan kajian pemerhatian hidupan liar pada waktu malam serta latihan ikhtiar hidup dan tindak balas kecemasan di Outward Bound Brunei Darussalam, Temburong.

Selain kemahiran teknikal, kursus berkenaan turut memberikan penekanan terhadap etika pemuliharaan dan kemahiran penceritaan interpretif, sekali gus memperkasa para pemandu pelancong untuk menyediakan pengalaman ekopelancongan yang selamat, menarik dan mempunyai impak minimum terhadap alam sekitar.

Program tersebut turut diakhiri dengan latihan denai sehari suntuk yang melibatkan interpretasi flora dan fauna di Taman Negara Ulu Temburong.

Sama ada bagi mereka yang berhasrat membina kerjaya sepenuh masa dalam bidang pelancongan alam semula jadi mahupun meningkatkan kemahiran sebagai pemandu pelancong sedia ada, program tersebut menyediakan keyakinan, kelayakan rasmi serta pengalaman praktikal di lapangan yang diperlukan untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang berkenaan.

Orang ramai dan para pemohon yang berminat adalah dialu-alukan untuk mendapatkan maklumat lanjut dengan melayari *tourism.gov.bn* atau menghubungi Jabatan Kemajuan Pelancongan menerusi talian +673 2382822 bagi mendapatkan butiran pendaftaran serta maklumat terkini mengenai jadual kursus yang akan datang.




# ARCA DREAM BOAT SIMBOL PERSAHABATAN, KERJASAMA, PERTUKARAN BUDAYA

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri serta Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir pada Majlis Perasmian Arca Dream Boat diadakan di Muzium Maritim Brunei Darussalam (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 9 September. - Majlis Perasmian Arca Dream Boat diadakan pagi tadi di Muzium Maritim Brunei Darussalam (MMBD), Kota Batu yang disempurnakan bersama oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha serta Member of the Standing Committee of the CPC Nanjing Municipal Committee dan Vice Mayor of Nanjing Municipal People's Government, Xu Feng.

Majlis berkenaan diadakan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-35 Penubuhan Hubungan Diplomatik antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat China; Sambutan Ulang Tahun Ke-15 Penubuhan Hubungan Bandar Berkembar (Sister Cities) antara Bandar Seri Begawan (BSB), NBD dan Bandar Nanjing, Republik Rakyat China; serta Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80.

Arca Dream Boat merupakan sumbangan dari Nanjing kepada NBD sebagai simbol persahabatan, kerjasama dan pertukaran budaya yang erat antara NBD dan Republik Rakyat China.

Menerusi seni arca kontemporari, karya berkenaan mencerminkan hubungan erat yang terjalin antara kedua-dua buah negara, di samping melambangkan aspirasi bersama untuk terus memperkukuh persefahaman dan pertukaran budaya antara rakyat kedua-dua buah negara.



Arca berkenaan turut melambangkan hubungan bandar berkembar antara BSB dan Bandar Nanjing yang telah terjalin selama 15 tahun, sekali gus mencerminkan komitmen kedua-dua bandar untuk terus mempererat hubungan persahabatan dan kerjasama dalam bidang-bidang yang berkepentingan bersama.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Tuan Yang Terutama Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi Negara-negara Sahabat ke NBD; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah, serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

# GPSCFL 2026 fokus perkukuh kerjasama tadbir urus keselamatan awam




Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

**LIANYUNGANG, REPUBLIK RAKYAT CHINA,** Khamis, 10 September. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu telah mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi menghadiri Persidangan '2026 Global Public Security Cooperation Forum Lianyungang (GPSCFL)' yang diadakan di Kota Lianyungang, Wilayah Jiangsu, Republik Rakyat China pada 7 hingga 10 September 2026.

NBD telah menyertai GPSCFL sejak 2024 yang merupakan sebuah persidangan tahunan yang dianjurkan bersama oleh Kementerian Keselamatan Awam, Republik Rakyat China dan China Association for Friendship di bawah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Rakyat China.

Tema GPSCFL pada tahun ini, iaitu 'Unite to Advance Public Security Governance Bring Stability to a Turbulent World', menekankan kepentingan memperkukuh kerjasama dan perpaduan antarabangsa dalam meningkatkan tadbir urus keselamatan awam, khususnya dalam menangani landskap keselamatan global yang semakin kompleks dan tidak menentu.

Sidang Plenari GPSCFL telah diadakan pada petang 9 September 2026 di Haizhou Bayview Conference Centre di Kota Lianyungang, Republik Rakyat China.

Hadir bagi merasmikan Persidangan GPSCFL 2026 berkenaan, State Councillor and Minister for Public Security, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Wang Xiaohong.

Pada hari yang sama, delegasi NBD juga berkesempatan mengunjungi The 3rd Public Security Tech Expo yang diadakan bersempena dengan persidangan berkenaan. Terlebih dahulu pada 8 September 2026, Yang Berhormat Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang) telah mengadakan Mesyuarat Dua Hala dengan Vice Minister of Public Security, Kementerian Keselamatan Awam, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Yang Weilin.

Semasa mesyuarat berkenaan, Yang Berhormat Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang) telah menzahirkan rasa berpuas hati dengan hubungan kerjasama erat yang terjalin di antara agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan di kedua-dua buah negara.

Mesyuarat turut membincangkan usaha-usaha untuk terus memperkukuh lagi jalinan kerjasama secara formal di antara NBD dan Republik Rakyat China khususnya dalam bidang keselamatan dan penguatkuasaan, termasuk melalui pertukaran maklumat, perkongsian amalan terbaik dan pembangunan kapasiti, khususnya dalam menangani isu-isu berkepentingan bersama termasuk penguatkuasaan undang-undang, pengedaran dadah dan keselamatan siber.

Yang Berhormat Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang) juga telah mengadakan perjumpaan bersama Menteri Persekutuan bagi Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kawalan Narkotik, Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Syed Mohsin Raza Naqvi, pada 9 September 2026.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) menghadiri Persidangan '2026 Global Public Security Cooperation Forum Lianyungang (GPSCFL)' yang diadakan di Kota Lianyungang, Wilayah Jiangsu, Republik Rakyat China pada 7 hingga 10 September 2026 (atas kiri dan atas).

Semasa perbincangan berkenaan, kedua-dua pihak bertukar-tukar pandangan mengenai kerjasama dalam bidang keselamatan, khususnya dalam menangani jenayah rentas sempadan termasuk pengganasan dan jenayah siber.

Perbincangan turut menyentuh mengenai mekanisme rasmi untuk mengukuhkan kerjasama di antara agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan di kedua-dua buah negara khususnya dalam memanfaatkan teknologi yang terkini.

Semasa berada di Republik Rakyat China, delegasi NBD juga berpeluang untuk mengadakan lawatan ke beberapa lokasi di Kota Beijing dan Shanghai atas jemputan pihak Kementerian Keselamatan Awam, Republik Rakyat China dan pihak pihak berkepentingan yang lain.

Turut menyertai delegasi NBD ke persidangan berkenaan, Timbalan Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Dayang Hajah Aldila binti Haji Mohamad Salleh dan pegawai-pegawai kanan dari JPM.

PELITA BRUNEI

# BACAAN YAA SIIN, TAHLIL SEMARAK JUBLI PLATINUM 70 TAHUN PENDIDIKAN UGAMA FORMAL



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil sempena Sambutan Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal, bertempat di Kubah Makam Diraja.**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

>> Muka 1

Majlis berkenaan adalah khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Hadir, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Nazir Khas, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Hendra bin Haji Meraji, diikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah oleh Nazir Khas, JPI, KHEU, Awang Haji Abdullah bin Haji Sahat.

Acara kemudiannya diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan NBD.

Juga hadir, Setiausaha Tetap KHEU, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar; Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin serta pegawai-pegawai kanan dari KHEU.

# 38 graduan ITQSHHB diraikan pada Majlis Doa Kesyukuran



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Majlis Haflut Takharruj ITQSHHB Ke-14, Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi dan seterusnya menyampaikan anugerah kepada penerima (kanan dan atas).**



**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BERAKAS,** Rabu, 9 September. – Sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala serta bagi meraikan kejayaan para graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian bagi sesi pengajian 2023 hingga 2026, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Majlis Haflut Takharruj ITQSHHB Ke-14, Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

Majlis berkenaan diadakan di Cesar Grand Hall, Tingkat 8, Mulia Hotel, Kampung Anggerek Desa, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku Pengerusi Lembaga ITQSHHB dan Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Haflut Takharruj ITQSHHB Ke-14, Tahun 1448H/2026M.

Turut hadir, Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib, selaku Ahli Lembaga ITQSHHB; Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; jemputan-jemputan khas; pemangku pengetua; timbalan-timbalan pemangku pengetua; pensyarah-pensyarah; pegawai-pegawai; guru-guru; serta graduan-graduan yang diraikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pensyarah Diploma 'Aliyah Qiraat, ITQSHHB, Dr. Sheikh Haji Muti'a Al-Kabbani Mahmoud.

Pengetua ITQSHHB, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit, selaku Pengerusi Majlis Haflut Takharruj ITQSHHB Ke-14, Tahun 1448H/2026M dalam ucapan alu-aluannya mengongsikan, majlis berkenaan meraikan 38 graduan Diploma 'Aliyah Qiraat sesi pengajian 2023 hingga 2026, yang telah berjaya menamatkan pengajian selama tiga tahun, merangkumi enam semester.

Jelasnya lagi, di samping itu 28 graduan pula memperoleh pangkat Mumtaz, manakala 10 graduan memperoleh pangkat Jayyid.

"Kejayaan para graduan yang amat disyukuri ini, hasil suluh usaha, disiplin dan pengorbanan sepanjang tempoh pengajian.

"Kejayaan ini juga tidak mungkin dicapai dengan doa dan taufik ibu bapa dan penjaga, bimbingan serta pelita ilmu daripada para pensyarah dan guru, serta sokongan seluruh warga kerja institut," ujarnya lagi.

Beliau seterusnya menjelaskan, graduan yang diraikan pada tahun ini merupakan pengambilan pertama sejak penaiktarafan menjadi program Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat. Mereka bukan sahaja menjadi sebahagian daripada sejarah perkembangan dan pencapaian ilmiah institut, malah kejayaan mereka pada hari ini menjadi satu cetusan penanda aras kepada generasi seterusnya.

Acara seterusnya ialah penyerahan buku bertajuk 'Bacaan Al-Quran dengan Qiraat 10 Berserta Pengenalan Imam-imam Qiraat, Edisi Surah Al-Fatihah', yang merupakan sumbangan graduan Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat, ITQSHHB Kali Ke-14, kepada tetamu kehormat majlis.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyampaian Anugerah Cemerlang Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat kepada 11 penerima, diikuti dengan penyampaian sijil penghargaan kepada para penaja Haflut Takharruj Kali Ke-14, ITQSHHB.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran oleh Pensyarah Diploma 'Aliyah Qiraat, ITQSHHB, Dr. Sheikh Haji Muti'a Al-Kabbani Mahmoud.




# NBD-SARAWAK PERKUKUH HUBUNGAN DUA HALA DALAM HAL EHWAL UGAMA

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**





**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menerima kunjungan hormat daripada Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Penyelaras Projek untuk Agensi Pembangunan Wilayah, Dewan Bandaraya Kuching Utara dan Hal Ehwal Islam), Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi (atas dan kiri).**

**BERAKAS**, Rabu, 9 September. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan pada petang tadi menerima kunjungan hormat daripada Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Penyelaras Projek untuk Agensi Pembangunan Wilayah, Dewan Bandaraya Kuching Utara dan Hal Ehwal Islam), Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi.

Kunjungan hormat berkenaan diadakan di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Darul Itqan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Jalan Dewan Majlis.

Turut serta dalam kunjungan hormat berkenaan, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, Yang Berbahagia Datuk Haji Misnu bin Haji Taha; Setiausaha Majlis Islam Sarawak, Yang Berusaha Tuan Haji Mual bin Suaud; Ketua Pegawai Eksekutif, Pusat Pengembangan Al-Quran Darul Hana, Majlis Islam Sarawak, Yang Berusaha Haji Mohamad Shalahudin bin Marzuki; dan Urus Setia, Yang Berusaha Dayang Nur' Maisarrah binti Abang Abdul Razak.

Kunjungan hormat berkenaan bertujuan untuk memupuk hubungan dua hala yang lebih erat antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan Negeri Sarawak dalam bidang hal ehwal ugama. Selain itu, membuka ruang untuk bertukar pandangan mengenai inisiatif yang memberi manfaat kepada pembangunan umat Islam sambil menzahirkan semangat persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua belah pihak dalam suasana mesra.

Hadir sama pada majlis kunjungan hormat berkenaan, Setiausaha Tetap KHEU, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin; Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam, KHEU, Awang Haji Aziman bin Awang Haji Zaman; dan Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, KHEU, Awang Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim.

## Rasulullah teladan utama dalam memantapkan pegangan akidah umat Islam

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 10 September. – Dalam usaha Jabatan Mufti Kerajaan (JMK) menghidupkan Projek Memasyarakatkan Fatwa, satu sesi Forum Irsyad Hukum telah diadakan bersempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi bertemakan 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Suluh Akidah'.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Turut hadir, Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin; Penolong Mufti (Buhuth), Dato Seri Setia Dr. Haji Mazanan bin Haji Yusof; dan Penolong Mufti (Ifta'), Dato Seri Setia Dr. Haji Dennie bin Haji Abdullah, serta pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan JMK.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Buhuth, Awang Haji Martino@Abdul Azim bin Haji Ahmad.

Acara kemudiannya diteruskan dengan Sesi Forum Irsyad Hukum yang dipengerusikan oleh Pegawai Istinbat, Awang Abdul Hafiy bin Yahya.

Forum berkenaan menampilkan dua panel, iaitu Ketua Buhuth, Dr. Haji Mas Reduan bin Haji Jumat selaku panel pertama, manakala Pegawai Istinbat, Dayang Hajah Azalinah binti Haji Zainal Abidin selaku panel kedua.

Sesi forum berkenaan mengupas tema 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Suluh Akidah' dengan memberi penekanan terhadap peranan keperibadian dan ajaran Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai teladan utama dalam membimbing serta memantapkan pegangan akidah umat Islam.

Perbincangan turut menyentuh mengenai pengorbanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyelamatkan manusia daripada kegelapan syirik kepada cahaya iman dan tauhid, yang sewajarnya dijadikan sebagai panduan dalam menjalani kehidupan, khususnya dalam menghadapi pelbagai cabaran semasa.

Bagi menyemarakkan lagi majlis, acara turut diserikan dengan Persembahan Dikir Marhaban yang dibawakan oleh pegawai dan kakitangan JMK di bawah pimpinan Pegawai Buhuth, Awang Mohammad Hilmi bin Yakop.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderamata oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Haji Martino@Abdul Azim bin Haji Ahmad.

Forum berkenaan diadakan bagi meraikan dan menyemarakkan Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam yang memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan merupakan antara Hari Kebesaran Islam yang disambut di Negara Brunei Darussalam.

Rakaman Forum Irsyad Hukum berkenaan juga akan disiarkan menerusi rancangan televisyen dan Rangkaian Nur Islam, Radio Televisyen Brunei (RTB).

Orang ramai turut berpeluang mengikuti rakaman berkenaan melalui laman YouTube rasmi JMK dan seksyen *podcast* di laman sesawang rasmi JMK di *www.mufti.gov.bn,* setelah siaran berkenaan diterbitkan oleh RTB.



**YANG Berhormat Mufti Kerajaan hadir selaku tetamu kehormat pada sesi Forum Irsyad Hukum (kiri), manakala gambar atas, Sesi Forum Irsyad Hukum yang dipengerusikan oleh Pegawai Istinbat, Awang Abdul Hafiy bin Yahya. Sementara gambar bawah kiri, antara yang hadir pada forum berkenaan.**





# MESYUARAT TANGANI BEBAN PENYAKIT BERJANGKIT, TIDAK BERJANGKIT

**Siaran Akhbar dan Foto: Kementerian Kesihatan**

**KUALA LUMPUR, MALAYSIA,** Jumaat, 11 September. - Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN Ke-17 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan (17th ASEAN Health Ministers Meeting And Related Meetings) telah bersidang di Kuala Lumpur, Malaysia pada 9 sehingga 11 September 2026.

Mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) pada mesyuarat tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan disertai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud serta Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Kesihatan.

Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN Ke-17 telah pun diadakan pada 10 September 2026 dan didahului dengan satu Sidang Retreat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN yang membawa tajuk 'Breaking Silos, Building Synergies : A Strategic Retreat on Navigating ASEAN's Dual Burden of Communicable and Non-Communicable Diseases' pada 9 September 2026.

Pada Sidang Retreat itu, Menteri-menteri Kesihatan ASEAN telah membincangkan mengenai membina sinergi secara terbuka dalam menangani beban penyakit-penyakit berjangkit dan tidak berjangkit serta bertukar-tukar maklumat mengenai pencapaian serta cabaran-cabaran yang dialami di rantau ASEAN semasa kebelakangan ini, dan seterusnya memberi rekomendasi serta hala tuju bagi sektor komitmen-komitmen kesihatan secara untuk berkesan, melaksanakan khususnya dalam mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan kesihatan secara bersepadu di peringkat nasional dan serantau.

Sidang Retreat tersebut telah pun diikuti dengan Sesi Mesyuarat Menteri Kesihatan ASEAN mengenai ASEAN Center on Public Health Emergencies and Emerging Diseases (ACPHEED), dengan tajuk 'ACPHEED : Recognising and overcoming setbacks in the region's development trajectory on PPR strengthening'.

Di sesi mesyuarat tersebut, NBD telah pun menyokong bagi penyelesaian mana-mana isu dan pemuktamadan serta penandatanganan Establishment Agreement bagi ACPHEED, dengan sokongan dan bantuan teknikal dari Mesyuarat Pegawai Kanan Kesihatan (SOMHD) dan Sekretariat ASEAN. Dengan tema 'ASEAN yang Sihat : Bersama Ke Arah Sistem Kesihatan yang Saksama dan Sedia untuk Masa Hadapan (Healthy ASEAN : Together Towards Equitable, Future-Ready Health Systems)'.

Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN Kali Ke-17 ini telah pun menumpukan topik perbincangan kepada 'Mensinergikan sistem kesihatan untuk Daya Tahan, Kesejahteraan dan Keselamatan Kesihatan' (Synergizing health systems for Resilience, Well-Being and Health Security).

Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam kenyataannya telah menyatakan sokongan terhadap Agenda Strategik Kesihatan ASEAN (ASHA) 2026–2030 yang telah dilancarkan pada sesi upacara pembukaan Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN kali ke 17, yang dapat memberi peluang bagi Negara-negara Ahli ASEAN untuk bekerjasama serta memupuk ASEAN menjadi rantau yang berdaya tahan dalam menjaga kesihatan serta kesejahteraan penduduknya dan menyeru agar ASEAN akan dapat menterjemahkan komitmen berkenaan kepada pelaksanaan yang berkesan serta menghasilkan peningkatan kesihatan yang nyata dan boleh diukur.

Dalam menyokong ASHA tersebut, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menyentuh mengenai beberapa keutamaan iaitu termasuk memperkukuh daya tahan sistem kesihatan melalui pendekatan One Health serta mengalu-alukan kerjasama serantau dalam sama-sama menangani keselamatan kesihatan dengan pengoperasian ACPHEED.




**YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN Ke-17 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan di Kuala Lumpur, Malaysia pada 9 sehingga 11 September 2026.**

Di samping itu, ASEAN juga perlu bersedia untuk menangani peralihan demografi, dengan melihatnya bukan hanya sebagai cabaran kesihatan malahan sebagai cabaran masyarakat dan fiskal jangka-panjang, dengan mengambil penekanan terhadap langkah pencegahan, penuaan sihat, intervensi awal serta pengurusan penyakit kronik yang disokong oleh kesihatan digital.

Selain itu, kerjasama dengan rakan kongsi pembangunan dan dialog secara terkoordinasi juga perlu terus diperkukuhkan dengan diterajui oleh ASEAN selaras dengan keutamaan ASHA.

NBD berpandangan bahawa kejayaan ASHA 2026–2030 hendaklah diukur bukan sahaja melalui pelaksanaan inisiatif bersama, tetapi juga berdasarkan sejauh mana ia dapat memastikan rakyat menikmati kehidupan yang lebih sihat serta sistem kesihatan yang lebih berdaya tahan dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

Pada mesyuarat tersebut, Menteri-menteri Kesihatan ASEAN juga telah bersepakat untuk meluluskan Kenyataan Bersama (Joint Statement) yang mengetengahkan persetujuan-persetujuan di dalam bidang kerjasama kesihatan ASEAN.

Semasa Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN Ke-17 ini juga, pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengadakan mesyuarat sampingan tidak rasmi bersama Menteri-menteri Kesihatan ASEAN dalam mempertingkatkan kerjasama di antara WHO dan ASEAN khususnya dari segi kesihatan dan kesejahteraan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga telah menghadiri satu sesi sampingan berkenaan dengan Pelaksanaan Inisiatif Kesihatan Paru-paru Merentas ASEAN yang mana Malaysia adalah salah satu negara yang mengetuai resolusi mengenai kesihatan paru-paru, di mana NBD adalah negara *cosponsor* dan yang telah pun diluluskan semasa Perhimpunan Kesihatan Sedunia ke-78.

Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN Ke-17 telah pun disusuli dengan Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN Plus Three Ke-11 (11th ASEAN Plus Three Health Ministers Meeting), Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN dan Republik Rakyat China Ke-10 (10th ASEAN China Health Ministers Meeting), Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN dan Republik Korea Ketiga (3rd ASEAN Republic of Korea Health Ministers Meeting), Mesyuarat Pertama Menteri-menteri Kesihatan ASEAN dengan Amerika Syarikat (1st ASEAN-U.S. Health Ministerial Meeting) dan Mesyuarat Pertama Menteri-menteri Kesihatan ASEAN-Jepun (1st ASEAN-Japan Health Ministerial Meeting).

Pada setiap mesyuarat tersebut, menteri-menteri kesihatan juga telah pun bersetuju untuk mengeluarkan Kenyataan Bersama yang menghuraikan persetujuan - persetujuan berdasarkan bidang kerjasama (*areas of cooperation*) kesihatan masing-masing.

Semasa berada di Kuala Lumpur, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah berkesempatan mengadakan perbincangan dua hala bersama Menteri Kesihatan Republik Indonesia, Yang Berhormat Budi Gunadi Sadikin dan Menteri Kesihatan Singapura, Yang Berhormat Ong Ye Kung, bagi membincangkan serta bertukar pandangan mengenai perkembangan sektor kesihatan di negara masing-masing serta meninjau bagi perlaksanaan kerjasama dalam bidang kesihatan antara kedua-dua buah negara.

# Pilih Islam sebagai pegangan hidup



**PENYAMPAIAN cenderahati disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama kepada saudara baharu yang diraikan.**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**KAMPUNG PULAIE**, Jumaat, 11 September. - Menurut statistik Pusat Da'wah Islamiah (PDI), seramai 189 orang telah memeluk agama Islam di Negara Brunei Darussalam bagi tempoh awal Januari hingga 10 September 2026, dengan 98 orang daripadanya merupakan penduduk dari Daerah Brunei dan Muara.

Pada hari ini, seorang lelaki daripada puak Murut, Danish Razean bin Abas, 24 tahun, memeluk Agama Islam dalam satu Majlis Pengislaman yang diadakan di Dewan Persidangan, PDI), Kampung Pulaie, petang tadi.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan lafaz Dua Kalimah Syahadah oleh saudara baharu berkenaan di hadapan pegawai dari Bahagian Pengembangan Da'wah (Pengislaman), PDI.

Setelah melafazkan dua kalimah syahadah, beliau kini dikenali dengan nama Islam sebagai Muhammad Danish Razean bin Abas. Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyampaian cenderahati daripada PDI kepada saudara baharu yang diraikan.

Penyampaian tersebut disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad juga Pengarah Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis Pengislaman tersebut turut diserikan dengan Dikir Marhaban sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.



# PROGRAM ILTIZAM TEKANKAN KEPENTINGAN JATI DIRI PELAJAR

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 9 September. - Para pelajar yang melanjutkan pengajian ke luar negara berhadapan dengan pelbagai cabaran, termasuk perbezaan sistem pembelajaran, kejutan budaya, cabaran bahasa dan komunikasi serta keperluan untuk berdikari dalam menguruskan kehidupan harian.

Selain itu, mereka turut berdepan dengan tekanan emosi seperti kerinduan terhadap keluarga, di samping pengaruh sosial yang berbeza yang boleh menguji jati diri serta pegangan akidah.

Dalam menghadapi cabaran berkenaan, penghayatan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) terus menjadi asas penting bagi memastikan para pelajar sentiasa berpegang teguh kepada nilai-nilai ugama dan kebangsaan, di samping memainkan peranan sebagai duta kecil Negara Brunei Darussalam (NBD) di persada antarabangsa.

Sehubungan itu, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), pagi tadi mengadakan Program Iltizam 'Menanai Amanah Siri 2' berbentuk Podcast Ilmiah bertajuk 'Minda Sejahtera, Jati Diri Terpelihara' bersama para pelajar baharu dan pelajar yang sedang mengikuti pengajian di luar negara.

Program yang berlangsung di Dewan Kuliah, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) itu turut disertai secara maya oleh para pelajar di bawah Biasiswa KHEU yang sedang mengikuti pengajian di luar negara.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin.

Program berkenaan merupakan salah satu wadah bagi perkongsian ilmu dan pengalaman dalam menghadapi cabaran sepanjang mengikuti pengajian di luar negara, di samping memperkukuh penghayatan nilai MIB dalam kalangan pelajar NBD yang melanjutkan pengajian di luar negara, termasuk di Republik Arab Mesir, Kerajaan Hasyimiyah Jordan, United Kingdom dan Malaysia.

Program tersebut diisikan dengan sesi *podcast* yang menampilkan tiga orang ahli panel, iaitu Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja, Kementerian Pendidikan, Dr. Siti Salwana Syarfa binti Haji Dahlan; Pegawai Psikologi Awam, Kementerian Kesihatan, Dayang Fauziyyah Hanani binti Haji Abdul Manap; dan Dayang Alya Farhanah binti Dato Seri Paduka Dr. Haji Norarfan, wakil Pelajar Alumni dari Republik Arab Mesir dan United Kingdom.

Sesi berkenaan dikendalikan oleh Awang Haji Mohammad Jaya bin Haji Metussin selaku moderator.

Program berkenaan dikendalikan bersama oleh Unit Biasiswa, Bahagian Pembangunan Sumber Tenaga Manusia dan Biasiswa dengan Unit ICT dan Teknologi, Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Perkembangan, Jabatan Pengajian Islam.



**PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei hadir selaku tetamu kehormat pada Program Iltizam 'Menanai Amanah Siri 2'.**



**PROGRAM berkenaan merupakan salah satu wadah bagi perkongsian ilmu dan pengalaman dalam menghadapi cabaran sepanjang mengikuti pengajian di luar negara.**

# Platform IhsanBN perkukuh keyakinan masyarakat dalam aktiviti kebajikan

Siaran Akhbar dan Foto : Kumpulan Ihsan37






**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Sengkarai hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan pelancaran awal platform berkenaan (atas dan atas kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 9 September. - Majlis Pelancaran Awal dan Penyerahan Platform IhsanBN telah diadakan pada hari ini di Dewan Ittisal, Institut Perkhidmatan Awam (IPA).

Majlis berkenaan menandakan pelaksanaan satu inisiatif Kumpulan Ihsan37, yang terdiri daripada peserta Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan Kohort Ke-37 (EDPMMO-37) di bawah inisiatif Community Outreach Project.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan pelancaran awal platform berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai.

IhsanBN merupakan sebuah inisiatif di bawah Projek Jangkauan Komuniti (Community Outreach Project) Kumpulan Ihsan37 yang dibangunkan sebagai platform berpusat bagi memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat mengenai kutipan derma yang sah serta saluran bantuan komuniti yang boleh dipercayai. Platform berkenaan nanti akan dapat diakses oleh orang ramai pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Berteraskan aspirasi 'Semak, Yakin, Bantu', platform berkenaan dihasratkan untuk meningkatkan ketelusan, memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap aktiviti kebajikan serta mengurangkan risiko penipuan berkaitan kutipan derma.

Inisiatif berkenaan juga diharap dapat menjadi pemangkin kepada penglibatan masyarakat yang lebih yakin, bertanggungjawab dan bermakna dalam menyumbang kepada kesejahteraan golongan yang memerlukan.

Majlis berkenaan turut menyaksikan penyerahan Platform IhsanBN kepada Majlis Belia Brunei (MBB) bagi menyokong kesinambungan dan perkembangan platform. Penghargaan turut diberikan kepada TM Technology Sdn. Bhd. selaku rakan pembangunan platform dan Tech One Global Brunei selaku rakan strategik dalam memastikan kelestarian platform ini.

Majlis turut disokong oleh Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI).

Antara pengisian majlis ialah ucapan alu-aluan oleh Ketua Kumpulan Ihsan37, penyempurnaan pelancaran awal oleh tetamu kehormat majlis, tayangan video pengenalan dan kesedaran mengenai IhsanBN, penyerahan platform kepada MBB serta sesi bergambar ramai.

Majlis berkenaan turut dihadiri oleh Pengarah IPA, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, para penaja, para peserta EDPMMO-37 serta Ahli-ahli Kumpulan Ihsan37.

# Forum Maulidur Rasul perkukuh penghayatan akidah, akhlak

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan**





**SETIAUSAHA Tetap (Dasar dan Pentadbiran), Kementerian Pertahanan hadir mendengarkan forum tersebut (atas kanan), manakala gambar atas, forum dipengerusikan oleh Guru Ugama, Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Pengiran Fakhrul Syakirin bin Pengiran Haji Zainuddin, selaku moderator.**

**BERAKAS GARISON**, Jumaat, 11 September. - Kementerian Pertahanan hari ini mengadakan Forum Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam 1448 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Pahlawan, Berakas Garison.

Hadir pada forum tersebut ialah Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran), Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim dan Datin.

Turut hadir ialah Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera dan Pemerintah Angkatan Bersama serta isteri, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, pengarah-pengarah serta isteri, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai serta warga Kementerian Pertahanan.

Turut diundang bagi sama-sama mendengarkan forum ialah Ahli-ahli Badan Kebajikan Isteri-isteri ABDB (BAKTI).

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan forum bertajuk 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Suluh Akidah.

Forum berkenaan dipengerusikan oleh Guru Ugama, Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Pengiran Fakhrul Syakirin bin Pengiran Haji Zainuddin, selaku moderator.

Kupasan dan huraian forum disampaikan oleh tiga orang ahli panel, iaitu Timbalan Pengarah / Penolong Pensyarah, Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak; Pengarah Pusat Latihan dan Peningkatan Kompetensi, KUPU SB, Pengiran Siti Katijah binti Pengiran Sulaiman serta Timbalan Pegawai Turus Inspektorat Agama, JAMA'AT, Kapten Mohd Ayza Azrine bin Ayahani.

Melalui tema 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Suluh Akidah', forum ini turut menekankan kepentingan menjadikan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai contoh dan pedoman dalam setiap aspek kehidupan dan kekeluargaan.

Penghayatan terhadap ajaran dan akhlak Baginda bukan sahaja menjadi asas kepada pembentukan peribadi Muslim yang beriman dan berakhlak mulia, malah turut berperanan dalam membina keluarga, organisasi dan masyarakat yang berpegang teguh kepada ajaran Islam.

Penganjuran forum ini merupakan salah satu aktiviti tahunan Kementerian Pertahanan dalam menyemarakkan sambutan bulan Rabiulawal yang penuh keberkatan, di samping memperingati kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta menghayati sirah, perjuangan dan keindahan akhlak Baginda.

# KEMPEN C.A.R.E. FOKUS PENGURUSAN, PEMBUANGAN UBAT MANSUH SECARA SELAMAT

**Siaran Akhbar dan Foto : Kumpulan Action Hearts**






**MAJLIS Pelancaran Video, Penyerahan Sijil Penghargaan dan Pengagihan Bahan Kempen C.A.R.E (Creating Awareness on Responsible Management and Disposal of Expired or Unused Medicines) (kiri dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 9 September. - Majlis Pelancaran Video, Penyerahan Sijil Penghargaan dan Pengagihan Bahan Kempen C.A.R.E (Creating Awareness on Responsible Management and Disposal of Expired or Unused Medicines) telah diadakan pada hari ini, bertempat di Dewan Ittisal, Institut Perkhidmatan Awam (IPA).

Majlis berkenaan dianjurkan oleh Kumpulan Action Hearts (KAH) yang terdiri daripada enam pegawai, bersempena Projek Jangkauan Komuniti (Community Outreach Project) yang merupakan salah satu modul dalam Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan Kerajaan Kohort Ke-37 (EDPMMO-37), yang dikendalikan oleh IPA.

KAH turut bekerjasama rapat dengan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan sepanjang projek Kempen C.A.R.E dijalankan bagi memastikan maklumat yang disampaikan tepat dan berasaskan panduan pakar yang betul.

Pada majlis berkenaan, video Kempen C.A.R.E. telah dilancarkan dan dirasmikan oleh Pengarah Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan, Dayang Hajah Zanatul 'Aini binti Haji Zainin, selaku tetamu kehormat majlis.

Video kesedaran berkenaan berperanan untuk melengkapi pelbagai inisiatif kempen lain yang telah dilaksanakan dengan menyampaikan mesej utama Kempen C.A.R.E. dalam bentuk yang lebih mudah difahami dan menarik bagi orang ramai.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Pengarah IPA, Dr. Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh serta pegawai-pegawai kerajaan dan pihak-pihak penaja kempen yang dijemput bagi memeriahkan majlis berkenaan.

Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Dayang Hajah Nira Niryanna binti Haji Suhaili, selaku Ketua KAH, yang antara lain menerangkan latar belakang dan matlamat Kempen C.A.R.E.

Kempen C.A.R.E. memfokuskan kepada isu pengurusan dan pembuangan ubat-ubatan yang telah mansuh atau tidak digunakan dalam kalangan masyarakat, satu isu yang mungkin jarang dipandang, namun membawa risiko sebenar kepada kesihatan awam dan alam sekitar.

Pembuangan ubat secara tidak betul, seperti dibuang ke dalam tong sampah atau disalurkan ke dalam sistem perairan boleh mencemari alam sekitar dan membawa risiko kepada kesihatan awam. Di samping itu, pengurusan ubat yang tidak betul juga boleh membawa risiko kepada keselamatan seisi keluarga termasuk pengambilan tanpa sengaja.

Sepanjang perlaksanaan Kempen C.A.R.E., pelbagai inisiatif dan aktiviti telah dijalankan oleh KAH, termasuk menjalankan kaji selidik bagi mengenal pasti tahap pengetahuan, amalan dan persepsi orang ramai mengenai penyimpanan dan pembuangan ubat, serta penghasilan bahan-bahan kempen seperti poster dan risalah, penerbitan sebuah video kesedaran, pembarigaan maklumat kesedaran melalui sesi temu bual bersama Radio Televisyen Brunei menerusi saluran televisyen dan radio serta menyokong usaha pengumpulan ubat mansuh atau tidak digunakan menerusi penyediaan peti pemulangan ubat yang dihasilkan sendiri oleh ahli kumpulan.

Menerusi pelbagai inisiatif kempen, ia diharap dapat membina kesedaran masyarakat secara berterusan supaya lebih bertanggungjawab dalam menyimpan, menggunakan dan membuang ubat-ubatan, sekali gus menyumbang kepada kesihatan awam dan pemeliharaan alam sekitar yang lebih baik.

Bagi memastikan usaha kesedaran kempen dapat terus disemarakkan, ia turut menjadi platform untuk KAH mengagihkan poster kesedaran kepada wakil daripada setiap kementerian untuk disebarluaskan, serta menyerahkan bahan-bahan Kempen C.A.R.E. kepada Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan, bagi terus dimanfaatkan pada masa hadapan.

Majlis berkenaan turut diisikan dengan penyampaian sijil-sijil penghargaan kepada pihak-pihak penaja kempen, iaitu TGT Sdn. Bhd., Goldmyne Hardware Sdn. Bhd., dan Ezy Printing Services & Trading Co. Sdn. Bhd.

# PERKUKUH USAHA KEMBANGKAN JENAMA TEMPATAN




**MAJLIS Pembukaan Rasmi Express Airport disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis iaitu Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 9 September. – Jenama makanan tempatan, Express, kembali ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) dengan pembukaan Express Airport, menandakan kembalinya jenama berkenaan ke LTAB selepas lebih sedekad.

Majlis Pembukaan Rasmi yang diadakan pada pagi tadi telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis iaitu Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Dayang Hajah Mardiana binti Haji Omar selaku Pemangku Pengerusi Royal Brunei Culinary (RBC).

Turut hadir, pihak pengurusan RBC, wakil-wakil dari Darussalam Assets dan Jabatan Penerbangan Awam, serta para pengamal media.

Express mula beroperasi di LTAB pada 1988 dan menjadi antara jenama yang tidak asing lagi dalam pengalaman perjalanan di LTAB bagi ramai rakyat Negara Brunei Darussalam.

Cawangan baharu berkenaan turut mengambil inspirasi daripada konsep asal Express dengan mengekalkan warna merah, biru dan putih yang menjadi identiti jenama berkenaan, selain mengetengahkan reka bentuk berinspirasikan retro dengan sentuhan baharu yang lebih segar.

Semasa berucap pada majlis pembukaan berkenaan, Pengurus Besar RBC, Awang Haji Jeff Hadiman bin Dato Paduka Haji Danial, berkata kembalinya Express ke LTAB berkenaan merupakan satu detik istimewa bagi jenama tersebut.

Menurutnya, Express sentiasa menjadi sebahagian daripada sejarah kulinari RBC dan bagi ramai rakyat NBD, jenama berkenaan turut mempunyai nilai sentimental sebagai sebahagian daripada kenangan zaman membesar.

"Dengan membawa kembali Express ke lapangan terbang, kita berpeluang mengimbau kembali kenangan tersebut, di samping memperkenalkannya kepada generasi baharu," ujarnya.

Sebagai salah satu pintu masuk utama NBD, LTAB memberi peluang kepada Express untuk memperkenalkan cita rasa jenama tempatan kepada para pengunjung, di samping menawarkan sesuatu yang tidak asing lagi kepada rakyat NBD ketika tiba di tanah air atau sebelum memulakan perjalanan.

Pembukaan Express Airport turut mencerminkan usaha berterusan RBC dalam mengembangkan jenama tempatan sambil mengekalkan hidangan kegemaran yang telah dikenali dan dinikmati pelanggan selama ini.

Dengan kembalinya Express ke LTAB, kini membuka lembaran baharu di lokasi yang menjadi titik permulaan kisahnya pada 1988, dengan mengembalikan hidangan klasik NBD di samping memperkenalkan pilihan baharu untuk dinikmati oleh generasi seterusnya.

# Mangsa kebakaran rumah terima sumbangan derma

**Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung Panchor, Tutong**

**TUTONG**, Khamis, 10 September. – Sebagai tindak balas awal dan keprihatinan bagi membantu sebuah keluarga yang terlibat dalam kebakaran rumah pada malam Rabu, 9 September 2026, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Panchor, orang ramai dan penduduk kampung telah mengadakan kutipan derma kilat dan sumbangan berbentuk keperluan asas dan pakaian.

Hasil kutipan wang tunai dan sumbangan yang diterima sejak malam kebakaran telah diserahkan kepada ketua keluarga, Awang Harun bin Ibrahim oleh Ketua Kampung Panchor, Awang Muhammad Adib bin Pehin Datu Indera Setia Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Sulaiman.

Mangsa kebakaran terdiri daripada enam orang dewasa dan tujuh kanak-kanak yang berusia antara dua hingga 10 tahun. Sumbangan yang berjaya dikumpulkan sejak malam kejadian berkenaan terdiri daripada wang tunai dan barangan keperluan asas, termasuk makanan kering serta pakaian.

Musibah berkenaan turut menerima perhatian dari Jabatan Daerah Tutong dan Sukarelawan Daerah Tutong (SUKA) yang turut memberikan sumbangan pakaian.

Hadir menyerahkan bantuan berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Diharapkan sumbangan yang disalurkan berkenaan sedikit sebanyak dapat meringankan beban keluarga mangsa dalam menghadapi musibah berkenaan, di samping membantu memenuhi keperluan harian mereka.

Bagi pihak Ketua Kampung Panchor, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada orang ramai serta semua pihak yang telah menghulurkan sumbangan dan bantuan kepada keluarga mangsa.

Orang ramai yang berhasrat untuk terus menghulurkan sumbangan adalah dialu-alukan dan bolehlah menyalurkannya melalui Ketua Kampung Panchor di talian +673 8115156.



**PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir menyerahkan bantuan berkenaan kepada penerima (atas), manakala gambar bawah, sumbangan diserahkan kepada ketua keluarga, Awang Harun bin Ibrahim oleh Ketua Kampung Panchor, Awang Muhammad Adib bin Pehin Datu Indera Setia Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Sulaiman.**





# TINGKATKAN PEMAHAMAN, KEMAHIRAN DALAM MENGHASILKAN SYAIR



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan bengkel tersebut.

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BERAKAS**, Khamis, 10 September. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Sastera dan Majalah mengadakan Merangkai Irama Merintis Warisan : Bengkel Penulisan Syair Melayu di Dewan Patih Barbai, DBP.

Bengkel yang berlangsung selama tiga hari, iaitu pada 10, 12 dan 14 September 2026, merupakan antara kegiatan sempena Sambutan Jubli Intan 60 Tahun Penerbitan Majalah Bahana 1966 - 2026.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan bengkel tersebut ialah Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab. Turut hadir, Pemangku Timbalan Pengarah, ketua-ketua bahagian serta para pegawai DBP.

Terdahulu Penolong Ketua Bahagian Sastera dan Majalah, DBP, Dayang Wathiqah Amirah binti Haji Wasli juga selaku Penolong Setiausaha Bersama dalam ucapannya berkata bahawa bengkel berkenaan dapat memperkukuh pengetahuan dan kemahiran para peserta dalam menghasilkan syair yang bermutu serta menepati ciri-ciri puisi tradisional Melayu.

Beliau turut menjelaskan bahawa hasil karya peserta bengkel dirancang untuk diterbitkan dalam Majalah Bahana, sekali gus memberikan peluang kepada para peserta untuk menyertai Peraduan Penulisan Kreatif Bahana DBP 2026 dalam genre syair.

Bengkel berkenaan dibimbing oleh Elit Budaya dan penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (The SEA Write Award) 2003, Dr. Awang Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid.

Dr. Awang Haji Hashim mula bergiat aktif dalam dunia penulisan sejak tahun 1965 dan telah menghasilkan pelbagai genre penulisan, antaranya sajak, pantun, cerpen, esei, kritikan sastera dan langgam suara.

Seramai 27 peserta menyertai bengkel berkenaan yang terdiri daripada mahasiswa institusi pengajian tinggi, pelajar prauniversiti, penulis muda dan orang ramai. Sepanjang bengkel, para peserta diberikan bimbingan secara praktikal bermula daripada proses pembinaan idea, penghasilan rangkap sehingga pemurnian karya.

Pendekatan berkenaan diharap dapat meningkatkan pemahaman dan kemahiran para peserta dalam menghasilkan syair yang menepati ciri-ciri serta estetika puisi tradisional Melayu.

Pengungkayahan bengkel tersebut diharap akan dapat melahirkan lebih ramai penulis syair dalam kalangan generasi baharu, di samping memastikan tradisi penulisan syair Melayu terus dipelajari, diamalkan dan diwariskan.

Dalam masa yang sama, kegiatan berkenaan turut memperkukuh peranan majalah Bahana sebagai wadah perkembangan dan penerbitan karya sastera, selaras dengan sambutan enam dekad penerbitannya.



PENOLONG Ketua Bahagian Sastera dan Majalah, DBP, Dayang Wathiqah Amirah binti Haji Wasli dalam ucapannya.

# Program Literasi Penerangan bentuk belia berwawasan, bertanggungjawab

**Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan**
**Foto : Azmah Haji Ahad, Pg. Nur Hafilah Pg. Osman**





MAJLIS Penyampaian Sijil telah disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar (atas), manakala gambar kiri dan bawah, para peserta mengadakan lawatan ke Heritage Bakwa Company dan Pusat Pembangunan Belia.

**BERAKAS,** Khamis, 10 September. - Program Literasi Penerangan (PLP) bagi belia Daerah Temburong menutup tirainya petang tadi di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil.

Majlis Penyampaian Sijil telah disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar.

Program kali ini disertai oleh 18 peserta daripada belia Daerah Temburong yang terdiri daripada belia mukim dan kampung.

Atur cara program hari kedua dimulakan dengan lawatan ke Pusat Pembangunan Belia (PPB). Sementara itu, taklimat mengenai Jenayah Siber, Scammer dan Keldai Akaun yang dikendalikan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei menekankan dua isu utama yang sering menyasarkan golongan belia, iaitu penipuan dalam talian (*online scam*) dan penyalahgunaan akaun bank atau kad SIM sebagai 'keldai akaun'.

Pada sebelah petang pula, para peserta mengadakan lawatan ke Heritage Bakwa Company dan para peserta berpeluang mendengarkan taklimat mengenai latar belakang penubuhan, perkembangan terkini serta perancangan syarikat.

PLP merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan yang menggunakan pendekatan Whole of Nation dan Whole of Government.

Program berkenaan dihasratkan untuk melahirkan para belia berwawasan, mempunyai jati diri yang kukuh serta memiliki nilai luhur dan semangat cintakan agama, bangsa dan negara, di samping memupuk rasa tanggungjawab ke arah memastikan Wawasan Brunei 2035 tercapai dengan jayanya.






# Mensyukuri nikmat : Meraih cinta dan reda Allah Subhanahu Wata'ala

**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mengurniakan kepada kita pelbagai nikmat yang tidak terhitung banyaknya. Dialah yang mengurniakan akal yang waras untuk berfikir, anggota badan yang sihat untuk beribadah dan tenaga yang kuat untuk berusaha mencari rezeki yang halal lagi baik.

Sesungguhnya syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala itu sangat luas, syukur bukan sekadar diungkapkan pada lisan tetapi bermula daripada hati yang mengakui bahawa setiap nikmat ialah kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala lalu dibuktikan melalui ketaatan. Syukur boleh dizahirkan dalam pelbagai bentuk ketaatan dan amalan harian kita, antaranya : bersyukur dengan hati, bersyukur dengan lisan dan bersyukur dengan perbuatan.

Antara kelebihan dan manfaat orang yang bersyukur berdasarkan Al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah :

**Pertama :** Dikurniakan nikmat dan rezeki yang berlipat ganda.

**Kedua :** Orang-orang yang bersyukur dan beriman akan terpelihara daripada azab dan seksa Allah Subhanahu Wata'ala.

**Ketiga :** Dijanjikan ganjaran pahala.

Janganlah kita menjadi insan yang lupa diri, apatah lagi bersifat sombong dan bongkak hingga berat untuk mengucapkan terima kasih. Sesungguhnya berterima kasih adalah cerminan hati orang yang bersyukur dan jiwa yang tahu mengenang budi.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengajarkan satu doa yang indah dalam hadis Baginda, sebagaimana panduan untuk membentuk jiwa yang sentiasa bersyukur, merendah diri dan bergantung sepenuhnya kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Abdullah bin Abbas Radiallahuanha bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sering berdoa :

**Ertinya :** "*Ya Allah, jadikanlah aku hamba yang bersyukur kepada-Mu, yang sentiasa mengingati-Mu, yang takut kepada-Mu, yang taat kepada-Mu, yang tunduk dan kembali bertaubat kepada-Mu. Ya Tuhanku, terimalah taubatku, hapuskan dosaku, perkenankanlah doaku, teguhkanlah hujahku, tunjukilah hatiku, perelokkanlah lisanku (ucapan) dan hilangkanlah segala perasaan dendam dan kedengkian daripada hatiku*". (Hadis Riwayat Abu Daud)

Marilah kita sentiasa mensyukuri nikmat dan kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala bukan sekadar dengan kata-kata sahaja, akan tetapi dengan menggunakan nikmat itu di jalan yang Allah Subhanahu Wata'ala redai. Mudah-mudahan dengan demikian, kita tergolong dalam kalangan orang-orang yang sentiasa mensyukuri nikmat, istiqamah dalam ketaatan dan beroleh kemuliaan di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "*Tiadalah Allah akan menyeksa kamu sekiranya kamu bersyukur dan beriman. Dan Allah adalah sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya lagi Maha Mengetahui (orang-orang yang bersyukur kepada-Nya)*". (Surah An-Nisa, ayat 147)

# Kesihatan, persediaan peperiksaan pelajar diutamakan ketika musim jerebu

**Oleh : Siti Rokiah Abdullah**
**Foto : Siti Rokiah Abdullah, ihsan Jabatan Pengajian Islam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 9 September. - Dalam suasana negara menghadapi musim jerebu, kesihatan dan keselamatan para pelajar menjadi keutamaan pihak sekolah, khususnya apabila bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) berada pada tahap tidak sihat.

Beberapa hari lepas, para pelajar telah menjalani pembelajaran berasaskan rumah atau Home-Based Learning (HBL) sebagai salah satu langkah bagi mengurangkan pendedahan kepada udara berjerebu.

Semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei, beberapa orang guru dan pelajar daripada Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah (STAHB), Bandar Seri Begawan, berkongsi pandangan serta pengalaman mereka dalam menghadapi keadaan cuaca berjerebu, di samping membuat persediaan menghadapi peperiksaan.

Menurut Pegawai Pendidikan Ugama di STAHB, Dayang Nurul Aima binti Zaini, selain menyediakan Pek Pembelajaran di Rumah (Home-Learning Pack), para guru turut memanfaatkan penggunaan teknologi dan bahan digital bagi memastikan proses pembelajaran dapat diteruskan dengan baik.

Beliau menjelaskan, perbincangan dan sesi pembelajaran dijalankan melalui aplikasi Microsoft Teams dan Google Meet, manakala tugasan serta arahan diberikan melalui aplikasi WhatsApp.

Menurutnya, kaedah berkenaan membolehkan para pelajar mengikuti pembelajaran dan melaksanakan tugasan yang diberikan tanpa perlu terdedah kepada keadaan cuaca berjerebu.

Dalam memastikan persediaan pelajar menghadapi peperiksaan tidak terjejas, Dayang Nurul Aima berkata, para guru di STAHB berusaha memastikan proses pengajaran dan pembelajaran terus berjalan walaupun terdapat beberapa penyesuaian berikutan keadaan berjerebu.



**PEGAWAI Pendidikan Ugama di STAHB, Dayang Nurul Aima binti Zaini.**

Antaranya termasuk menyediakan nota, latihan, bahan ulang kaji dan tugasan yang bersesuaian melalui platform digital, di samping memberikan latihan pengukuhan dan bimbingan secara lebih berfokus seperti latihan bertulis (Tamrin Tahriri) dan mendengarkan hafalan (Tasmie' hafalan).

Komunikasi antara guru dan pelajar juga, menurut beliau, amat penting, dengan guru perlu sentiasa memantau perkembangan pelajar, memberikan motivasi dan menggalakkan mereka mempunyai jadual ulang kaji yang teratur.

"InsyaaAllah, dengan perancangan dan kerjasama yang baik, keadaan berjerebu tidak akan menjadi penghalang kepada persediaan pelajar untuk menghadapi peperiksaan," jelasnya.



**AWANG Muhammad Danish Hilman bin Aziz Shamri.**

Beliau turut menasihatkan para pelajar supaya sentiasa mengutamakan kesihatan, terutama apabila kualiti udara tidak baik, selain mendapatkan rehat yang mencukupi, minum air secukupnya dan mengelakkan aktiviti fizikal di luar ketika keadaan berjerebu.

Walau bagaimanapun, pembelajaran dan ulang kaji di rumah perlu diteruskan seperti biasa mengikut kemampuan dan keadaan masing-masing. Para pelajar juga digalakkan memanfaatkan masa dengan sebaik-baiknya untuk mengulang kaji, menyiapkan tugasan dan membaca bahan pembelajaran supaya masa tidak terbuang begitu sahaja.

Sementara itu, Pegawai Pendidikan Ugama di STAHB, Awang Haji Mohd. Hainney bin Haji Hamidon, menyatakan bahawa semua aktiviti kokurikulum, sukan dan perhimpunan di luar bangunan sekolah ditiadakan serta-merta bagi melindungi kesihatan dan keselamatan para pelajar.

Selain itu, katanya, para guru turut membekalkan modul kerja rumah atau tugasan bertulis kepada pelajar yang menghadapi kekangan capaian internet di rumah.

Dalam memastikan para pelajar tidak terjejas, terutama mereka yang akan menduduki peperiksaan, kelas tambahan dan ulang kaji dalam talian juga diteruskan melalui sesi bimbingan, perbincangan soalan-soalan peperiksaan dan ulang kaji secara maya melalui platform digital.

Tambah beliau, para guru turut membekalkan para pelajar dengan modul soalan percubaan, kertas model peperiksaan serta nota ringkas untuk diselesaikan ketika berada di rumah.

Pada masa yang sama, beliau berkata, para guru sentiasa membuka saluran komunikasi digital seperti WhatsApp atau Telegram bagi membolehkan para pelajar bertanya atau mendapatkan bantuan sekiranya menghadapi kesukaran memahami topik-topik peperiksaan.

Dalam pada itu, para pelajar disarankan supaya mengurangkan aktiviti di luar bangunan, khususnya aktiviti fizikal dan sukan, bagi mengurangkan pendedahan kepada udara berjerebu.

Para pelajar juga dinasihatkan supaya kerap meminum air kosong bagi memastikan badan kekal terhidrat serta membantu menjaga kesihatan sistem pernafasan.



**PEGAWAI Pendidikan Ugama di STAHB, Awang Haji Mohd. Hainney bin Haji Hamidon.**

Bagi salah seorang pelajar, Awang Muhammad Danish Hilman bin Aziz Shamri, yang menuntut di Pra U2 Abu Hurairah, antara persiapan yang dilakukannya dalam menghadapi peperiksaan termasuk menyusun jadual, mengulang kaji topik-topik penting serta memperbanyak latihan dan soalan tahun-tahun sebelumnya.

Pada masa yang sama, beliau turut memastikan kesihatan dan waktu rehat sentiasa terjaga agar dapat belajar dengan lebih berkesan.

Dalam menghadapi pembelajaran secara dalam talian, beliau menjelaskan bahawa dirinya sentiasa berusaha menyesuaikan diri dengan keadaan semasa dengan mengurus masa sebaik-baiknya. Selain itu, beliau turut memastikan kemudahan pembelajaran tersedia dan mengikuti kelas dengan konsisten.

Menurutnya, sokongan padu yang diberikan oleh ibu bapa dan guru banyak memberikan sokongan, nasihat dan dorongan kepadanya.

"Mereka sentiasa mengingatkan agar saya tidak mudah berputus asa, di samping berusaha, berdoa dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Kata-kata mereka menjadi sumber motivasi untuk saya kekal fokus dan bersungguh-sungguh dalam membuat persediaan menghadapi peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB)," ujarnya.

Sementara itu, Dayang Nurul Huda binti Asmadillah berkata, antara persiapan yang telah dibuat menjelang peperiksaan STPUB ialah menyediakan jadual ulang kaji pelajaran beberapa bulan sebelum peperiksaan agar dapat membuat persediaan sepenuhnya bagi semua subjek.

Selain menjaga kesihatan dan pemakanan, mendapatkan tidur dan rehat yang cukup juga membantunya untuk kekal fokus sepanjang tempoh mengulang kaji pelajaran.

Memandangkan negara dilanda jerebu ketika beliau dan para pelajar lain sedang membuat persediaan menghadapi peperiksaan STPUB, menjaga kesihatan menjadi salah satu keutamaan agar pembelajaran tidak terjejas.

"Dengan itu, saya hanya mengulang kaji pelajaran di dalam rumah agar mengurangkan pendedahan kepada asap jerebu yang boleh menimbulkan penyakit," jelasnya.

Beliau turut menghargai sokongan ibu bapa yang menyediakan ruang yang selesa dan memberikan masa agar dirinya dapat fokus dalam mengulang kaji pelajaran. Namun begitu, beliau masih meluangkan masa bersama keluarga agar tidak terlalu stres kerana terperap di dalam bilik sepanjang hari. Menurutnya, ibu bapa merupakan antara penyokong yang memberikan impak besar kepadanya dengan sentiasa bertanya mengenai perkembangan ulang kajinya serta memberikan kata-kata semangat supaya tidak berputus asa.

Manakala guru-guru juga, katanya, turut memberikan motivasi dengan sentiasa mengingatkan tentang matlamat mereka sebagai pelajar yang berwawasan untuk terus berusaha demi kejayaan dan masa depan.



**DAYANG Nurul Huda binti Asmadillah.**

ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI

# دعاء مموهن كڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سݢل جنيس ڤپاكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam **laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)** dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

**IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN**
JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH, BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

**WAKTU PERNIAGAAN**
Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

InfoDeptBN
Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn

# PLP PLATFORM PEMBARIGAAN MAKLUMAT MENGENAI DASAR, AKTIVITI KERAJAAN

**Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad**



**PEMANGKU Ketua Bahagian Komunikasi Strategik, Dayang Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman hadir pada Majlis Pembukaan Program Literasi Penerangan (PLP) bagi belia Daerah Temburong.**

**BERAKAS**, Rabu, 9 September. – Sebagai salah satu landasan dalam menyampaikan maklumat rasmi dan maksud kerajaan dalam kalangan belia, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong menganjurkan Program Literasi Penerangan (PLP) bagi belia Daerah Temburong selama dua hari, mulai 9 hingga 10 September 2026.

PLP bagi belia Daerah Temburong kali ini disertai oleh seramai 18 belia dari Daerah Temburong yang terdiri daripada belia mukim dan kampung.

Hadir pada Majlis Pembukaan program berkenaan yang bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan ialah Pemangku Ketua Bahagian Komunikasi Strategik, Dayang Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman.

Turut hadir, pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan.

Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Awang Muhammad Azyzul Azman @Rosman bin Yakub, selaku Pengerusi Program dalam ucapannya antara lain menyentuh mengenai PLP berkenaan merupakan salah satu usaha Jabatan Penerangan dalam merealisasikan visi jabatan iaitu 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat', di samping terus memperluas penyampaian maklumat mengenai dasar dan aktiviti kerajaan melalui pelbagai platform dan pendekatan yang bersesuaian.

Tambahnya lagi, tema program kali ini, iaitu 'Belia Celik Maklumat, Peneraju Perubahan', amat bertepatan dengan peranan belia pada masa kini, khususnya dalam menilai, memahami dan menggunakan maklumat secara bijak sebelum membuat sesuatu keputusan.

"Dalam masa yang sama, kita juga tidak dapat lari daripada perkembangan Visit Brunei Year 2027, yang akan menjadi satu platform penting untuk mengetengahkan Negara Brunei Darussalam, khususnya keindahan alam semula jadi, budaya, warisan serta nilai-nilai yang menjadi identiti negara.

"Dalam hal ini, para belia mempunyai peranan yang penting sebagai duta tempatan, khususnya melalui penggunaan media sosial secara positif dan kreatif. Biskita bukan sahaja menjadi penerima maklumat, tetapi juga boleh menjadi penyampai maklumat yang tepat dan membantu membina imej positif NBD," ujarnya lagi.

Sepanjang program dua hari berkenaan, para peserta didedahkan dengan pelbagai maklumat semasa, termasuk mengenai konsep keterangkuman (*inclusivity*), pembinaan jati diri yang berdaya tahan dan aspirasi belia melalui pengisian seperti taklimat, aktiviti dan lawatan ke agensi-agensi terpilih.

Para peserta akan diberikan taklimat antaranya mengenai 'Peranan dan Tanggungjawab Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam' oleh Jabatan Penerangan; 'Aspirasi Belia' oleh Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; serta Bengkel 'Menambat Dastar dan Menapih Sinjang' oleh Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Selain itu, para peserta juga mengadakan lawatan ke Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan diberikan taklimat mengenai 'Memahami Konsep Inklusiviti (Belajar Bahasa Isyarat)'.

Dalam usaha memantapkan lagi visi 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat', Jabatan Penerangan akan sentiasa mempelbagaikan platform pembarigaan maklumat mengenai dasar dan aktiviti kerajaan, di samping memberikan peluang kepada jabatan untuk lebih memahami kehendak semasa dalam kalangan belia.





**PARA peserta diberikan taklimat mengenai 'Memahami Konsep Inklusiviti (Belajar Bahasa Isyarat)' dan menyertai Bengkel 'Menambat Dastar dan Menapih Sinjang' (atas dan bawah).**




# UNISSA sertai Islamic Capital Market Summer School 2026

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**



**PENOLONG Profesor di Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Dr. Amnisuhailah Abarahan mengikuti Islamic Capital Market Summer School 2026 di Durham University Business School, United Kingdom.**

**UNITED KINGDOM**, Khamis, 10 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menghantar Penolong Profesor di Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Dr. Amnisuhailah Abarahan, yang telah terpilih untuk mengikuti Islamic Capital Market Summer School 2026 di Durham University Business School, United Kingdom (UK).

Program yang diadakan bermula 4 Ogos hingga 4 September 2026 tersebut merupakan program anjuran bersama Securities Commission Malaysia dan juga Durham Centre for Islamic Economics and Finance, UK.

Ia mengetengahkan perbincangan dan pendedahan menyeluruh mengenai pasaran modal Islam secara global khususnya dalam penerapan penting Maqasid Shariah dalam aplikasi dan operasi pasaran modal yang telah diperkenalkan oleh Securities Commission Malaysia melalui Maqasid Shariah Guidelines for Islamic Capital Market.

Program yang dihadiri oleh para pakar penasihat syariah dan pengamal industri perbankan dan pasaran modal, dan pelatih dari pelbagai negara itu juga telah memberikan peluang *networking* dan jalinan kerjasama yang lebih erat di dalam industri kewangan Islam.

# MAJLIS KHATAM AL-QURAN MERIAHKAN SAMBUTAN MAULUD NABI



MAJLIS Khatam Al-Quran anjuran Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA).

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman**

**JERUDONG**, Jumaat, 11 September. – Majlis Khatam Al-Quran anjuran Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA) telah diadakan dengan penuh kesyukuran dan keberkatan, disertai oleh pembaca-pembaca Al-Quran yang menyempurnakan bacaan 30 Juzuk serta peserta yang masing-masing ditugaskan membaca satu juzuk.

Majlis diadakan di kediaman Yang Dipertua BASMIDA, Datin Hajah Dayang Masni binti Haji Mohd Ali di Kampung Jerudong.

Majlis turut dihadiri oleh ahli-ahli dikir dan Tauyseh Wanita BASMIDA.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Asmaul Husna, Selawat Tafrijiyyah dan Selawat Ibrahimiyyah, diikuti dengan persembahan Dikir Marhaban.

Acara diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Dayang Norsinah, diikuti dengan bacaan Tahtim dan Doa Khatam Al-Quran.

Majlis turut diserikan dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan serta Doa Selamatkan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Dayang Hajah Asmah binti Paidi.

Pada majlis tersebut, ucapan penghargaan turut disampaikan oleh Yang Dipertua BASMIDA atas kehadiran dan sokongan yang diberikan.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyampaian token, sedekah dan hadiah sebagai tanda penghargaan serta sumbangan ikhlas daripada hamba Allah.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai sebagai kenang-kenangan.







# Kursus Asas Haji, Umrah bermula 13 September

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 9 September. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Urusan Haji akan mengadakan Kursus Asas Haji dan Umrah 1448 Hijrah / 2026 Masihi sebanyak enam sesi, bermula Ahad, 1 Rabiulakhir 1448 bersamaan 13 September 2026 hingga 7 Jamadilawal 1448 bersamaan 18 Oktober 2026.

Kursus berkenaan akan diadakan pada setiap Ahad mulai pukul 8.00 pagi hingga 10.00 pagi, bertempat di tujuh buah masjid yang terpilih di keempat-empat daerah.

Kursus antara lain bertujuan untuk menyebarluaskan ilmu dan pengetahuan mengenai manasik haji dan umrah, memberikan kefahaman mengenai pelaksanaan ibadat haji dan umrah serta sebagai persediaan awal bagi bakal jemaah haji.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Urusan Haji mengalu-alukan orang ramai, pemohon yang berada dalam senarai menunggu serta bakal jemaah haji yang telah terpilih untuk menunaikan fardu haji bagi Musim Haji 1448H/2027M untuk mengikuti kursus tersebut.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, kursus akan diadakan di empat buah masjid iaitu di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop pada 1 Rabiulakhir 1448H bersamaan 13 September 2026 dengan guru pengkursus Awang Haji Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi; Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong pada 8 Rabiulakhir 1448H bersamaan 20 September 2026 dikendalikan oleh Awang Haji Abdul Mu'iz bin Haji Amat; Masjid Hassanal Bolkiah, Jalan B, Kampung Mentiri pada 15 Rabiulakhir 1448H bersamaan 27 September 2026 dikendalikan oleh Awang Haji Fansuri Sharimi@Haji Mansur bin Haji Mohammad Ali; dan Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba pada 22 Rabiulakhir 1448H bersamaan 4 Oktober 2026 dan akan dibimbing oleh Pengiran Haji Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar.

Bagi Daerah Tutong, kursus akan diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong pada 29 Rabiulakhir 1448H bersamaan 11 Oktober 2026 dan dikendalikan oleh Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustafa.

Sementara itu bagi Daerah Belait, kursus akan berlangsung di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait pada 7 Jamadilawal 1448H bersamaan 18 Oktober 2026 dikendalikan oleh Awang Haji Ibrahim bin Haji Mat Daud.

Manakala bagi Daerah Temburong akan diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong pada 7 Jamadilawal 1448H bersamaan 18 Oktober 2026 dan dibimbing oleh Awang Haji Rozaiman bin Haji Abd Rahman.

Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus ke Jabatan Urusan Haji melalui talian +673 2384478 atau e-mel *juh.kheu@mora.gov.bn.*

**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama**






# Keselamatan kewangan : Bersedia hadapi perkara tidak dijangka

**Oleh : Brunei Darussalam Central Bank dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei**
**Ilustrasi dan Infografik : Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi**

**SEMPENA** Hari Celik Kewangan Kebangsaan (NFLD), Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) menggalakkan orang ramai untuk memberi perhatian kepada salah satu aspek penting bagi kesejahteraan kewangan, iaitu bersedia menghadapi perkara yang tidak dijangka.

Keselamatan kewangan bukan sekadar tentang menyimpan wang. Kejadian tidak dijangka seperti kemalangan, kehilangan pendapatan, kesakitan, kematian atau kerosakan harta benda boleh memberi kesan terhadap kewangan awda.

Takaful / insurans boleh memberikan perlindungan kewangan terhadap risiko tertentu. Sekiranya berlaku kejadian tidak dijangka yang dilindungi di bawah pelan tersebut, takaful / insurans boleh membantu meringankan beban kewangan.

### Kenali risiko, buat pilihan bijak

Berikut adalah beberapa perkara penting yang perlu dipertimbangkan bagi membantu awda membuat keputusan yang bijak dalam melindungi diri dan orang yang disayangi :

#### 1. Fahami tujuan perlindungan :

Takaful / insurans boleh membantu menampung perbelanjaan perubatan yang besar, kemalangan atau kerugian lain yang dilindungi. Ia dapat mengurangkan keperluan untuk menggunakan simpanan, meminjam wang atau menjual aset ketika berlakunya kecemasan.

Ini tidak bermakna kita menjangkakan perkara buruk akan berlaku. Sebaliknya, ia merupakan langkah untuk memastikan kita bersedia dari segi kewangan sekiranya perkara tersebut berlaku.

#### 2. Nilai keperluan perlindungan awda

Keperluan perlindungan berbeza mengikut umur, pendapatan, hutang, tanggungjawab keluarga dan peringkat kehidupan. Sebagai contoh, seorang individu bujang mungkin mempunyai keperluan yang berbeza daripada ibu bapa atau seseorang yang menanggung ahli keluarga yang lanjut usia.

Sebelum memilih pelan takaful / insurans, kenal pasti perkara yang perlu dilindungi, individu yang bergantung kepada awda dari segi kewangan dan jumlah perlindungan yang mungkin diperlukan berdasarkan keadaan awda.

#### 3. Pilih perlindungan mengikut kemampuan

Semak pendapatan, perbelanjaan, simpanan, hutang dan komitmen kewangan yang sedia ada, termasuk sama ada awda mempunyai dana kecemasan yang mencukupi untuk menghadapi kejutan kewangan jangka pendek. Dengan mengambil kira perkara ini, pastikan sumbangan takaful atau premium insurans mampu ditanggung dalam jangka panjang.

Perlindungan yang dipilih hendaklah sesuai dengan kemampuan awda tanpa menjejaskan perbelanjaan asas atau matlamat penting yang lain.

#### 4. Fahami sebelum membuat komitmen

Produk takaful / insurans berbeza dari segi perlindungan, manfaat, pengecualian, kos, tempoh menunggu dan syarat tuntutan. Baca terma dan syarat dengan teliti, fahami proses membuat tuntutan dan ajukan pertanyaan sekiranya terdapat perkara yang kurang jelas. Jika awda belum memahami produk tersebut sepenuhnya luangkan masa untuk mendapatkan penjelasan sebelum membuat komitmen.

Walaupun awda masih muda atau mempunyai simpanan, adalah penting untuk memastikan awda mempunyai perlindungan kewangan yang mencukupi untuk keperluan dan keadaan awda. Kejadian tidak dijangka boleh menjejaskan simpanan awda dengan cepat, manakala takaful / insurans boleh membantu mengurangkan impak kewangan daripada kerugian tertentu.

Produk dan perkhidmatan takaful / insurans yang berbeza direka untuk memenuhi keperluan yang berbeza, termasuk perlindungan perubatan, hayat, kenderaan bermotor, harta benda dan perjalanan. Ini tidak bermakna awda memerlukan setiap jenis perlindungan. Apa yang penting ialah memilih perlindungan yang sesuai dengan keperluan, keadaan dan kemampuan awda. Ketika sesuai, mempertimbangkan perlindungan yang sesuai, pastikan awda berurusan hanya dengan pengendali takaful atau syarikat insurans yang dilesenkan oleh BDCB.

### Hari Celik Kewangan Kebangsaan

Hari Celik Kewangan Kebangsaan ialah acara celik kewangan tahunan yang diterajui oleh BDCB dan disokong oleh Majlis Kebangsaan Celik Kewangan (MKCK). Antara objektif acara ini adalah untuk :

1. Meningkatkan tahap celik kewangan di Negara Brunei Darussalam (NBD);
2. Menggalakkan pengurusan kewangan yang bijak; dan
3. Meningkatkan kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan di NBD.

Bersama-sama kita membina masyarakat yang celik dan berdaya tahan dari segi kewangan.



# TINGKATKAN PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DALAM BIDANG AI, KESELAMATAN SIBER






**SEKITAR Program AI x Cybersecurity Youth Readiness 2026 yang diharapkan dapat menggalakkan para peserta untuk terus meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang AI dan keselamatan siber (atas kiri dan atas kanan).**

**Siaran Akhbar : Ahli Jawatankuasa Penganjur AI x Cybersecurity Youth Readiness Program**
**Foto : Ihsan Ak. Muhd Rifhan Aiman Pg. Haji Zainurin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 11 September. - Program AI x Cybersecurity Youth Readiness 2026 telah berjaya menghimpunkan seramai 45 peserta dalam usaha meningkatkan kesedaran, kefahaman dan kesiapsiagaan golongan belia Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam menghadapi cabaran keselamatan yang berkaitan dengan perkembangan teknologi Kecerdasan Buatan (AI).

Program sehari tersebut dianjurkan bersama oleh Nitro Security, Women in Cybersecurity Brunei dan cyber673, dengan sokongan daripada Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Negara Brunei Darussalam (NBD) serta kerjasama komuniti daripada Brunei4AI dan Brunei Cyber Security Association (BCSA).

Program ini memberi tumpuan kepada golongan belia sebagai generasi pengguna teknologi dan bakal tenaga profesional yang akan berhadapan dengan perkembangan pesat teknologi AI serta implikasinya terhadap keselamatan siber.

Walaupun majoriti peserta terdiri daripada golongan belia, pihak penganjur turut memberikan ruang kepada sebilangan kecil peserta yang berumur di bawah 18 tahun dan melebihi 40 tahun.

Pendekatan ini membolehkan program tersebut menghimpunkan perspektif daripada pelbagai peringkat umur serta latar belakang.

Program ini menampilkan seramai lima penceramah dan fasilitator serta merangkumi empat sesi utama yang menggabungkan pembelajaran teori, latihan amali dan simulasi berasaskan senario.

Sesi AI Fundamentals memberikan pengenalan kepada konsep keselamatan AI serta Open Worldwide Application Security Project (OWASP) Top 10 for LLM Applications, dengan memberi kefahaman mengenai antara risiko keselamatan utama yang berkaitan dengan aplikasi berasaskan Large Language Models (LLM).

Sesi Red Team Lab (Serangan) pula memberikan pengalaman amali kepada para peserta dalam mengenal pasti dan memahami teknik menyerang seperti prompt injection dan sensitive information disclosure melalui persekitaran Latihan Hack The Box yang terkawal.

Seterusnya, Sesi Blue Team Lab (Pertahanan) memberi penekanan kepada aspek pertahanan siber, termasuk pendekatan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurangkan risiko keselamatan yang timbul daripada penggunaan teknologi AI.

Program turut disusuli dengan Tabletop Exercise (TTX), iaitu latihan simulasi berkumpulan berdasarkan beberapa senario keselamatan. Melalui latihan ini, para peserta berpeluang mengaplikasikan pengetahuan yang telah diperoleh serta membincangkan langkah-langkah tindak balas terhadap situasi melibatkan *prompt injection* dan *information disclosure* dalam konteks organisasi yang berbeza.

Pendekatan yang menggabungkan pembelajaran teori dengan pengalaman amali ini bertujuan untuk memastikan para peserta bukan sahaja memahami konsep keselamatan AI, malah dapat mengenal pasti risiko dan mempertimbangkan langkah-langkah mitigasi dalam situasi yang lebih praktikal.

Program ini tidak bertujuan untuk menjadikan para peserta sebagai pakar dalam bidang AI atau keselamatan siber dalam tempoh sehari. Sebaliknya, ia bertujuan untuk menyediakan asas pengetahuan, pengalaman praktikal dan keyakinan kepada para peserta untuk terus mendalami bidang tersebut.

Dalam menghadapi perkembangan teknologi AI yang semakin pesat, pemahaman mengenai aspek keselamatan dan risiko penggunaannya adalah penting bagi memastikan teknologi tersebut dimanfaatkan secara bertanggungjawab, selamat dan berkesan.

Pihak penganjur berharap agar program seumpama ini dapat diteruskan sebagai salah satu usaha untuk memupuk budaya kesedaran keselamatan siber dan penggunaan AI yang bertanggungjawab dalam kalangan masyarakat, khususnya generasi muda.

Program ini juga diharapkan dapat menggalakkan para peserta untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang AI dan keselamatan siber serta seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekosistem teknologi yang lebih selamat dan berdaya tahan di NBD.




## Lelaki tempatan didenda miliki rokok pelbagai jenis

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

**KUALA BELAIT**, Khamis, 10 September. - Majistret, Nur Eleana binti Dato Seri Paduka Haji Hairol Arni hari ini menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND7,000 atau tujuh bulan pemenjaraan terhadap Muhammad Azrul Aqma bin Yusman, 20 tahun atas kesalahan memiliki lapan karton, dua paket dan 19 batang rokok pelbagai jenis tanpa kebenaran yang sah di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Muhammad Azrul Aqma ditangkap oleh Pegawai-pegawai Pemeriksa Kastam Pos Kawalan Sungai Tujuh di Bahagian Ketibaan Pos Kawalan Sungai Tujoh Kuala Belait pada 3 November 2025 pukul 7.40 malam.

Kesemua barang yang terlibat iaitu rokok pelbagai jenis dihukum rampas untuk diserahkan kepada kerajaan bagi tujuan pelupusan.

## Operasi Kakas kesan pelbagai kesalahan

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Jabatan Imigresen dan Pendaftaran**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 10 September. - Operasi Kakas terus giat dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran (JIPK) Kebangsaan bagi membendung pesalah-pesalah imigresen di Negara Brunei Darussalam (NBD). Dua operasi penguat kuasa undang-undang telah dilaksanakan yang mana menyasarkan kepada rumah-rumah sewa di Mukim Kota Batu dan Mukim Berakas 'A'.

Operasi Kakas 97 / 2026 telah menyasarkan di rumah-rumah sewa di Mukim Kota Batu. Hasil operasi menyaksikan tujuh warga asing telah diperiksa dan seorang daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Bandar Seri Begawan (BSB) bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mansuh.

Sementara, Operasi Kakas 98 / 2026 menyasarkan di rumah sewa di Mukim Berakas 'A' di mana empat warga asing telah diperiksa yang kemudiannya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, BSB bagi siasatan lanjut.

Kesemua warga asing berkenaan dipercayai melakukan tiga kesalahan iaitu di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 kerana tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mansuh, kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 kerana bekerja bukan dengan majikan asal dan kesalahan di bawah Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17 kerana bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport.

Bagi sebarang maklumat kesalahan di bawah JIPK, sila hubungi Talian Hotline Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (BSB) / +673 8984111 (Kuala Belait).




**OPERASI Kakas terus giat dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bagi membendung pesalah-pesalah imigresen di Negara Brunei Darussalam.**

ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# OGOS 2026 DIREKODKAN BULAN TERPANAS DUNIA – SAINTIS

**LONDON**, 10 Sept. - Ogos lepas direkodkan sebagai bulan paling panas di dunia bersamaan Julai 2023, dengan suhu global 1.65 darjah Celcius (°C) melebihi zaman praindustri, kata saintis, lapor PA Media/dpa.

Bulan lepas terikat dengan Julai 2023 untuk bulan kalendar paling panas dalam rekod suhu, serta Ogos paling panas pernah direkodkan untuk dunia, kata saintis daripada Perkhidmatan Perubahan Iklim Copernicus Kesatuan Eropah.

Eropah Barat mengalami musim panas paling terik dalam rekod, mengatasi rekod sebelumnya pada 2003, kata Copernicus.

Gelombang haba pada Ogos meneruskan trend haba melampau yang bermula pada Mei dengan kemarau teruk telah melanda United Kingdom (UK), Perancis, Hungary, Romania dan Serbia, dan sungai utama dari Rhine dan Danube ke Dnieper mengalami aliran yang sangat rendah, kata saintis Copernicus. - ©BERNAMA

# Lebih 2,000 penerbangan dibatalkan di Britain akibat masalah teknikal

**LONDON**, 10 Sept. - Lebih 2,000 penerbangan dibatalkan di Britain pada Selasa dan Rabu akibat masalah teknikal, dengan Lapangan Terbang Heathrow paling terjejas, lapor Xinhua memetik media Britain.

"Penumpang yang terjejas berkemungkinan tidak layak menerima pampasan bagi kelewatan atau pembatalan yang berpunca secara langsung daripada insiden itu," menurut kenyataan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam United Kingdom (CAA) pada Rabu.

Jumlah pembatalan penerbangan mula berkurangan pada petang Rabu dan tiada pembatalan dijadualkan pada Khamis, menurut firma analisis penerbangan Cirium.

National Air Traffic Services (NATS) pada petang Selasa memaklumkan pihaknya mengenal pasti masalah teknikal pada sistem pemprosesan penerbangan, yang menjejaskan pelepasan pesawat di seluruh negara serta menyebabkan kelewatan dan pembatalan.

Gangguan trafik udara selama empat jam pada Selasa menyebabkan ratusan ribu penumpang berdepan pembatalan, lencongan dan kelewatan penerbangan, kata Setiausaha Pengangkutan Heidi Alexander pada Rabu.

"Saya tidak percaya masalah ini tidak dapat dielakkan," kata beliau sambil mengarahkan CAA menjalankan siasatan bebas terhadap sistem yang dikendalikan NATS. Ketua Pegawai Eksekutif NATS Martin Rolfe berkata serangan siber telah diketepikan sebagai punca gangguan berkenaan. - ©BERNAMA

# 5 maut, 87 hilang selepas kapal terbakar dekat Palawan, Filipina

**MANILA**, 10 Sept. - Sekurang-kurangnya lima orang maut manakala 87 masih hilang selepas sebuah kapal terbakar pada Rabu di perairan berhampiran kawasan tumpuan pelancong di Wilayah Palawan, Filipina, menurut pengawal pantai tempatan pada Khamis, lapor Xinhua.

Kebakaran berlaku pada petang Rabu ketika kapal itu membawa 117 penumpang dan 17 anak kapal, kira-kira 1.2 batu nautika dari pantai Perbandaran Coron, menurut pengawal pantai tempatan.

Seramai 42 orang berjaya diselamatkan. Rakaman video yang dikongsi pengawal pantai di media sosial menunjukkan kapal berkenaan dijilat api sepenuhnya.

Menurut laporan media tempatan, kapal itu berlepas dari Manila menuju ke Coron sebelum kebakaran berlaku. Operasi mencari dan menyelamat masih diteruskan. - ©BERNAMA

# Anak Krakatau kembali meletus

**JAKARTA**, 9 Sept. - Gunung Anak Krakatau kembali meletus awal Rabu ketika aktiviti gunung berapi yang terletak di Selat Sunda itu terus berlanjutan susulan beberapa letusan baru-baru ini.

Pusat Vulkanologi dan Mitigasi Bencana Geologi Indonesia (PVMBG) memaklumkan letusan berlaku pada 12.47 pagi waktu tempatan dan direkodkan selama 28 saat dengan amplitud seismik maksimum 51 milimeter, manakala ketinggian letusan tidak dapat diperhatikan.

Sementara itu, Badan Meteorologi, Klimatologi dan Geofizik Indonesia (BMKG) berkata analisis imej satelit Himawari-9 pada 7 pagi Rabu menunjukkan abu gunung berapi dari Anak Krakatau mencapai ketinggian sehingga 7,000 kaki dan bergerak ke arah barat laut, meliputi sebahagian Teluk Lampung.

"Orang ramai, khususnya mereka yang berada di sekitar selatan Lampung dinasihatkan supaya terus berwaspada, tidak panik dan mendapatkan maklumat rasmi daripada BMKG, PVMBG, Badan Geologi serta pihak berkuasa tempatan," menurut catatan terbaharunya di media sosial.

Letusan pada Rabu itu menyusuli tiga letusan yang direkodkan pada Selasa, selepas fasa letusan berterusan selama kira-kira 25 jam bermula 11.07 malam Jumaat reda sejurus selepas tengah malam Ahad.

Anak Krakatau yang terletak di Selat Sunda antara Pulau Jawa dan Sumatera kekal pada Tahap III, tahap kedua tertinggi dalam sistem amaran gunung berapi empat peringkat Republik Indonesia, manakala pihak berkuasa memberi amaran bahawa potensi untuk berlaku letusan susulan masih tinggi.

PVMBG menerusi laman sesawangnya melaporkan tiga lagi gunung berapi di Republik Indonesia turut merekodkan letusan pada Rabu.

Gunung Semeru di Jawa Timur meletus pada 12.15 pagi dan sekali lagi pada 5.11 pagi, namun ketinggian letusan tidak dapat diperhatikan.

Gunung Ili Lewotolok di Nusa Tenggara Timur pula meletus tiga kali pada 5.03 pagi, 5.56 pagi dan 9.51 pagi, menghamburkan abu setinggi antara 400 hingga 600 meter dari puncak yang bergerak ke arah barat laut dan barat.

Sementara itu, Gunung Ibu di Maluku Utara meletus pada 5.27 pagi dan 9.19 pagi, dengan abu masing-masing mencapai 400 meter dan 600 meter dari puncak serta bergerak ke arah timur laut dan timur. - ©BERNAMA

# El Niño bawa risiko inflasi makanan di ASEAN - Pakar

**REPUBLIK SINGAPURA**, 10 Sept. - Fenomena El Niño dijangka boleh menimbulkan risiko inflasi lebih besar daripada kejutan pertumbuhan bagi ekonomi ASEAN, dengan peningkatan harga beras, gandum, jagung dan minyak sayuran, kata Kumpulan Penyelidikan OCBC pada Rabu, lapor Xinhua.

Pakar Ekonomi Kanan ASEAN dan Republik India, Lavanya Venkateswaran, berkata dalam satu nota bahawa beliau melihat Republik Filipina, Republik Indonesia dan Thailand dalam kalangan ekonomi ASEAN dengan pendedahan yang lebih tinggi terhadap El Niño manakala Malaysia dan Republik Sosialis Viet Nam turut berdepan risiko namun lebih tertumpu.

Harga makanan yang lebih tinggi "boleh menambah tekanan inflasi serantau, dengan risiko inflasi yang diimport juga meningkat memandangkan kebanyakan wilayah ini ialahpengimport makanan bersih", katanya.

Beliau berkata selain Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam, ekonomi utama di rantau ini secara amnya ialah pengimport beras bersih justeru menyebabkan Republik Filipina, Malaysia dan Republik Indonesia terdedah kepada potensi kejutan terma perdagangan daripada harga beras yang lebih tinggi.

Beliau menambah bahawa kebanyakan ekonomi di rantau ini ialah pengimport bijirin bersih yang besar, termasuk ASEAN-6, dan amat terdedah terhadap tekanan inflasi bahan yang diimport apabila harga gandum dan jagung global meningkat.

Katanya tahap penghantaran inflasi makanan akan berbeza bergantung pada berat makanan dalam bakul harga pengguna, pergantungan import dan campur tangan kerajaan menerusi langkah seperti subsidi dan kawalan harga.

Kesan pertumbuhan dijangka lebih tidak sekata dan sebahagian besarnya tertumpu dalam pertanian.

Republik Indonesia, Republik Filipina, Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam, yang mempunyai sektor pertanian yang agak besar, lebih terdedah kepada kerugian pengeluaran dan pendapatan luar bandar yang lebih lemah.

Bagaimanapun, beliau berpendapat pengeksport pertanian seperti Republik Indonesia, Malaysia, Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam boleh menerima sedikit pengimbangan daripada hasil eksport komoditi yang lebih tinggi.

"Impak makroekonomi akan bergantung bukan sahaja pada hasil cuaca tetapi juga pada tindak balas dasar, termasuk sekatan perdagangan makanan, pelepasan saham dan langkah-langkah subsidi," tambahnya.

Kemuncak El Niño atau super-El Nino dijangka melanda Asia Tenggara antara Oktober hingga Disember 2026. - ©BERNAMA

# Apple perkenal iPhone Duo, telefon pintar boleh lipat pertamanya

**ISTANBUL**, 10 Sept. - Apple memperkenalkan telefon pintar boleh lipat pertamanya, iPhone Duo, pada acara tahunan yang berlangsung di ibu pejabatnya di California pada Rabu.

Menurut Anadolu Ajansi, peranti itu menampilkan reka bentuk tidak simetri yang apabila dibuka mempunyai paparan Super Retina XDR berukuran 7.6 inci. Skrin dalaman 50 peratus lebih besar berbanding iPhone 18 Pro Max dan 80 peratus lebih besar daripada model Pro standard, yang turut diperkenalkan pada acara berkenaan.

Apabila dibuka sepenuhnya, peranti itu dikatakan sebagai iPhone paling nipis pernah dihasilkan, dengan menggunakan bingkai titanium gred aeroangkasa bagi mengekalkan kekuatan strukturnya. - ©BERNAMA

# UAE hantar pesawat keempat bawa bantuan kemanusiaan ke Nepal

**MOSCOW**, 9 Sept. - Emiriah Arab Bersatu (UAE) menghantar pesawat keempat membawa 38 tan bantuan kemanusiaan untuk mangsa banjir di Nepal, lapor Sputnik/RIA Novosti memetik Agensi Berita Emiriah WAM.

Laporan pada Selasa itu menyebut bantuan berkenaan turut merangkumi 500 khemah dan 108 kit bantuan kemanusiaan.

Sebelum ini, UAE telah menghantar tiga pesawat ke Nepal dengan membawa 148 tan bantuan kemanusiaan, selain sebuah pasukan penyelamat.

Secara keseluruhan, UAE mengumumkan peruntukan bantuan kemanusiaan segera bernilai US$10 juta untuk mereka yang terjejas akibat banjir dan tanah runtuh di negara itu.

Angka kematian akibat banjir di negara itu kini melebihi 1,300 orang, manakala ramai lagi masih belum dapat dikesan. - ©BERNAMA

# PUTIN HADIRI SIDANG KEMUNCAK BRICS, ADAKAN PERBINCANGAN DUA HALA DENGAN PEMIMPIN DUNIA

**MOSCOW**, 11 Sept. - Presiden Rusia Vladimir Putin akan ke India pada Jumaat untuk lawatan kerja selama tiga hari bagi menghadiri Sidang Kemuncak BRICS dan mengadakan perbincangan dua hala dengan beberapa pemimpin dunia di luar sidang berkenaan, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Pada Jumaat, Putin dijadual mengadakan pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri India Narendra Modi, Presiden Afrika Selatan Cyril Ramaphosa, Presiden Mesir Abdel Fattah Sisi, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Bank Pembangunan Baharu BRICS Dilma Rousseff.

Presiden Rusia itu juga akan berucap pada sesi pleno Forum Perniagaan BRICS 2026 pada hari sama.

Putin dan Modi turut dijadual melawat Innoprom, Pameran Perindustrian Antarabangsa India, yang dianjurkan bersama oleh kementerian industri dan perdagangan Rusia serta India pada Jumaat. - ©BERNAMA

# Kenya lancar pelan kesiapsiagaan El Nino lindungi ternakan

**NAIROBI**, 11 Sept. - Kenya pada Khamis melancarkan Pelan Tindakan Kesiapsiagaan dan Antisipasi El Nino Sektor Ternakan Nasional bernilai 2.1 bilion syiling (kira-kira US$16.2 juta), lapor Xinhua.

Setiausaha Kabinet bagi Pertanian dan Pembangunan Ternakan Mutahi Kagwe menegaskan komitmen kerajaan untuk mengambil langkah proaktif bagi melindungi ekonomi ternakan Kenya sebelum kerugian berlaku.

"El Nino pada 2023 dan banjir akibat hujan berpanjangan pada 2024 menyebabkan kerugian besar kepada penternak kita, memusnahkan infrastruktur penting serta mencetuskan wabak penyakit yang menjejaskan sektor ini dengan ketara," kata Kagwe dalam kenyataan yang dikeluarkan di Kaunti Isiolo di timur Kenya.

"Oleh itu, kita perlu belajar daripada pengalaman dan atas sebab itu, kita bertekad untuk memastikan petani serta penternak tidak berdepan situasi tanpa persediaan," katanya.

Inisiatif itu susulan nasihat Jabatan Meteorologi Kenya yang meramalkan peningkatan risiko hujan lebat, banjir kilat dan banjir setempat di beberapa kawasan utama.

Dengan mengutamakan langkah proaktif berbanding pemulihan selepas bencana, pelan itu menyasarkan 24 kaunti berisiko tinggi yang mempunyai jumlah ternakan yang banyak.

Unjuran kerajaan menunjukkan strategi itu akan melindungi rantaian nilai ternakan, mencegah wabak penyakit, meminimumkan kehilangan ternakan serta mengurangkan kos pemulihan bencana negara. - ©BERNAMA

# Denmark rancang larang telefon pintar di sekolah

**MOSCOW**, 11 Sept. - Pihak berkuasa Denmark berhasrat untuk melarang sepenuhnya penggunaan telefon pintar di sekolah berikutan prestasi akademik yang rendah dalam kalangan remaja negara itu, menurut media Denmark, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Penurunan prestasi akademik itu ditunjukkan dalam kajian Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) terbaharu.

Kajian itu menunjukkan penurunan penguasaan pelajar dalam bidang seperti membaca, matematik dan sains semula jadi, lapor akhbar BT pada Khamis.

Perdana Menteri Denmark Mette Frederiksen mengaitkan penurunan prestasi akademik dengan tahap pendigitalan tinggi kanak-kanak Denmark.

Kerajaan Denmark sebelum ini mengemukakan rang undang-undang yang mencadangkan larangan penggunaan media sosial untuk kanak-kanak di bawah umur 15 tahun. Jika diluluskan, undang-undang itu akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2027. - ©BERNAMA

# Beberapa orang maut, cedera dalam kemalangan bas persiaran di Switzerland

**GENEVA**, 11 Sept. - Beberapa orang maut manakala yang lain cedera selepas sebuah bas persiaran terbabit dalam kemalangan di timur Switzerland pada Khamis, menurut polis.

Menurut Anadolu Ajansi (AA), Polis Kanton Graubunden pada awalnya melaporkan kemalangan itu kira-kira 6.30 petang waktu tempatan dengan memaklumkan bahawa sebuah bas persiaran terbabit dalam kemalangan antara kawasan perbandaran Susch dan Zernez serta beberapa perkhidmatan kecemasan telah dikerahkan ke lokasi.

Polis kemudian mengesahkan menerusi hantaran di X bahawa "beberapa orang" maut dan beberapa yang lain cedera. Pihak berkuasa tidak memberikan jumlah sebenar korban atau butiran mengenai punca kemalangan itu setakat ini.

Bas itu dilaporkan milik sebuah syarikat pengendali pelancongan dari Belanda dan membawa sekumpulan 48 orang, menurut akhbar Switzerland Blick yang memetik jurucakap ANVR, organisasi penaung bagi industri pelancongan Belanda.

Menurut laporan itu, majoriti penumpang bas berkenaan merupakan warga Belanda. Kumpulan itu memulakan perjalanan mereka pada Isnin, namun lokasi berlepas dan destinasi mereka masih belum diketahui.

Polis menyediakan talian penting untuk anggota keluarga dan pihak konsulat yang ingin mendapatkan maklumat mengenai kemalangan itu. - ©BERNAMA

# 26 pelajar terkorban dalam kebakaran di timur DR Congo

**KINSHASA**, 11 Sept. - Angka korban akibat kebakaran yang berlaku di Bukavu, ibu negeri Wilayah Kivu Selatan di timur Republik Demokratik Congo (DR Congo)pada Khamismeningkat kepada 26 orang, menurut media tempatan, lapor Xinhua.

Laporan media menyatakan bahawa mayat 26 pelajar sekolah rendah dibawa ke hospital tempatan, manakala pelajar lain yang mengalami masalah akibat terhidu asap sedang menerima rawatan di beberapa hospital.

Jurucakap kumpulan Pergerakan 23 Mac (M23), Lawrence Kanyuka yang kini menguasai Bukavu berkata seramai 29 individu lagi cedera, termasuk 21 yang menerima rawatan di unit rawatan rapi.

Beliau berkata kebakaran itu berlaku di sebuah kawasan kejiranan di bandar berkenaan, memusnahkan beberapa rumah sebelum merebak dengan pantas ke dua sekolah rendah berhampiran.

Pasukan penyelamat dikerahkan ke lokasi kejadian dan kemudiannya berjaya mengawal kebakaran itu, sekali gus menghalangnya daripada terus merebak ke bangunan kediaman lain.

Seorang pegawai pihak berkuasa tempatan, Moise Lubala berkata sekurang-kurangnya 80 buah rumah terbakar, menjejaskan 96 isi rumah, manakala 16 lagi rumah dirobohkan untuk mewujudkan penghalang api bagi mencegah kebakaran daripada terus merebak.

Kementerian Pendidikan Kebangsaan dan Kewarganegaraan Baharu Congo dalam satu kenyataan memaklumkan kebakaran itu mengakibatkan ramai terkorban dan cedera, termasuk pelajar.

Kementerian itu turut menggesa siasatan menyeluruh dijalankan mengenai keadaan dan punca kebakaran berkenaan. - ©BERNAMA

# Tesla perkenal Cybercab tanpa pemandu di Jepun buat pertama kali

**TOKYO**, 11 Sept. - Pengeluar kenderaan elektrik Amerika Syarikat (AS), Tesla Inc. pada Jumaat memperkenalkan Cybercab, roboteksi autonomi yang direka khusus, di daerah Aoyama, Tokyo, menandakan kali pertama kenderaan itu dipamerkan kepada umum di Jepun, lapor Kyodo News.

Kenderaan dua tempat duduk itu tidak mempunyai stereng, pedal pemecut atau pedal brek, membolehkannya beroperasi sepenuhnya tanpa pemandu. Ia dilengkapi pintu jenis rama-rama yang terbuka ke atas serta skrin sentuh bersaiz besar.

Tesla telah memulakan pengeluaran besar-besaran Cybercab dan memperkenalkan perkhidmatan e-panggilan di beberapa kawasan di Amerika Syarikat.

Kenderaan itu akan dipamerkan di Osaka mulai Khamis depan dan di Nagoya, tengah Jepun, mulai 22 Sept. - ©BERNAMA

# Sekurang-kurangnya 3 maut dalam nahas pesawat kecil di Brazil

**RIO DE JANEIRO**, 11 Sept. - Sekurang-kurangnya tiga orang maut pada Khamis apabila sebuah pesawat kecil terhempas di Agua Boa, negeri Mato Grosso di tengah-barat Brazil, menurut pihak berkuasa tempatan, lapor Xinhua.

Tiga mayat ditemukan rentung di antara bangkai pesawat dan masih belum dikenal pasti. Mayat berkenaan dibawa untuk pemeriksaan forensik.

Nahas itu berlaku pada sebelah pagi di sebuah kawasan luar bandar kira-kira 18 kilometer (km) dari kawasan bandar Agua Boa dan 730 km dari Cuiaba, ibu negeri Mato Grosso. Pesawat itu terbakar sebaik sahaja terhempas dan musnah.

Pasukan bomba dipanggil ke lokasi kejadian kira-kira 8.50 pagi waktu tempatan dan menggunakan kira-kira 4,000 liter air untuk memadamkan kebakaran. Polis tentera turut dikerahkan ke lokasi.

Tempat pesawat itu berlepas dan destinasinya masih belum diketahui, manakala punca nahas masih dalam siasatan. - ©BERNAMA

# 4 cedera dalam insiden tembakan di Carolina Utara

**NEW YORK**, 11 Sept. - Empat individu ditemukan cedera dalam insiden tembakan di sebuah rumah di Kaunti Gaston, Carolina Utara, Amerika Syarikat (AS) pada pagi Khamis, menurut polis, lapor Xinhua.

Kesemua mereka dibawa ke hospital untuk menerima rawatan, menurut laporan media tempatan. Polis dalam satu kenyataan memaklumkan insiden tembakan itu dilaporkan kira-kira 8.43 pagi Waktu Timur.

Ketika anggota polis tiba di kediaman di kawasan subbandar itu, mereka menemukan empat mangsa dan segera mengawal lokasi kejadian.

Pihak berkuasa segera memberikan pertolongan cemas kepada mangsa sehingga anggota bomba dan petugas Perkhidmatan Perubatan Kecemasan tiba di tempat kejadian.

Menurut polis,maklumat lanjut mengenai mangsa dan keadaan mereka tidak didedahkan buat masa ini berikutan siasatan yang sedang dijalankan. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI




# MPNBD HADIRI MESYUARAT BOG APSF DI KUALA LUMPUR



MAJLIS Paralimpik Negara Brunei Darussalam (MPNBD) diwakili oleh Presiden MPNBD, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor dan Setiausaha Agung MPNBD, Awang Md. Zain bin Haji Mohammad menghadiri mesyuarat berkenaan yang berlangsung di Kuala Lumpur, Malaysia dari 7 hingga 11 September 2026.

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Majlis Paralimpik Negara Brunei Darussalam**

**KUALA LUMPUR, MALAYSIA,** Rabu, 9 September. - Majlis Paralimpik Negara Brunei Darussalam (MPNBD) menghadiri Mesyuarat Lembaga Gabenor (BOG) Persekutuan Sukan Para ASEAN (ASEAN Para Sports Federation - APSF) yang berlangsung di Kuala Lumpur, Malaysia dari 7 hingga 11 September 2026.

Mesyuarat berkenaan merupakan platform bagi membincangkan persiapan serta penyelarasan menjelang ASEAN Para Games Kuala Lumpur 2027.

MPNBD diwakili oleh Presiden MPNBD, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor dan Setiausaha Agung MPNBD, Awang Md. Zain bin Haji Mohammad.

Mesyuarat berkenaan turut menumpukan kepada aspek persediaan dan penganjuran temasya, termasuk membincangkan program sukan serta jenis-jenis sukan yang akan dipertandingkan, di samping meneliti perkara-perkara teknikal bagi memastikan kelancaran penganjuran ASEAN Para Games Ke-14 Kuala Lumpur 2027.

Selain menghadiri sesi Mesyuarat BOG APSF, delegasi berkenaan turut mengadakan lawatan ke beberapa 'venue' sukan yang dicadangkan bagi temasya tersebut.

Mesyuarat itu juga menjadi landasan penting kepada negara-negara anggota APSF untuk menyelaraskan persiapan, keperluan teknikal dan operasi, serta memastikan temasya berkenaan dapat dilaksanakan mengikut standard yang tinggi demi kepentingan seluruh komuniti sukan para ASEAN.

# 2 pemain *pickleball* Brunei sertai PPA Asia 1000 Kuala Lumpur Cup 2026

**Berita dan Foto :**
**Ihsan Rushed Julaihi**

**KUALA LUMPUR, MALAYSIA**, Jumaat, 11 September. - Dua pemain *pickleball* dari Negara Brunei Darussalam, Rushed Julaihi dan Hazim Shah bakal menggalas cabaran negara apabila menyertai PPA Asia 1000 Leapmotor Kuala Lumpur Cup 2026, yang berlangsung dari 9 hingga 13 September 2026 di The Hood, Kuala Lumpur, Malaysia.

Kedua-dua pemain beraksi di bawah Pasukan Courtyard MMP, sekali gus membawa nama NBD dalam kejohanan berprestij yang menghimpunkan pemain-pemain *pickleball* dari rantau Asia dan negara-negara lain.

Penyertaan tersebut merupakan satu peluang penting untuk mereka menguji kemampuan di peringkat antarabangsa, selain menimba pengalaman beraksi menentang pemain-pemain dari pelbagai negara.

Selain Rushed Julaihi dan Hazim Shah, beberapa pasukan lain dari Brunei turut mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut, dengan setiap pasukan membawa nama dan mewakili pasukan masing-masing.

Penyertaan beberapa pasukan dari Brunei dalam kejohanan ini turut mencerminkan perkembangan positif serta peningkatan minat terhadap sukan *pickleball* di negara ini.

Pada masa yang sama, penyertaan tersebut membuka lebih banyak peluang kepada pemain tempatan untuk mendapatkan pengalaman beraksi di pentas antarabangsa.

Rushed Julaihi dan Hazim Shah berharap dapat memberikan persembahan terbaik sepanjang kejohanan serta membawa semangat dan nama Brunei dengan sebaiknya.



DUA pemain *pickleball* dari Negara Brunei Darussalam, Rushed Julaihi dan Hazim Shah bakal menggalas cabaran negara apabila menyertai PPA Asia 1000 Leapmotor Kuala Lumpur Cup 2026.

# Atlet karate remaja kebangsaan Ivy Olivera raih emas di Jordan

**KUALA LUMPUR,** 10 Sept. - Atlet karate remaja kebangsaan Ivy Olivera Donny, berjaya merangkul pingat emas acara kata individu wanita bawah 21 tahun (B21) di Kejohanan Kadet, Remaja dan B-21 Asia ke-24 2026 di Amman, Jordan, pada hari Rabu.

Atlet kelahiran Sabah yang berusia 20 tahun itu, mempamerkan aksi dominan di pusingan akhir, menewaskan wakil Iran Ailin Baharijavadhesari 4-1 untuk mengesahkan pingat emas pada hari kedua pertandingan yang berlangsung di Dewan Putera Hamzah.

Sementara itu, harapan seorang lagi atlet karate remaja kebangsaan Muhammad Arif Hafizi Hishamadi untuk meraih emas lebur, apabila dia tewas pada pusingan akhir acara kata individu lelaki B21.

Atlet kelahiran Ipoh berusia 20 tahun itu ditewaskan 5-0 oleh peserta Emiriah Arab Bersatu (UAE) Rami Fawzi Abu di pusingan akhir.

Pada Selasa, Nur Aneesa Aira Mohamad Affendi telah merangkul pingat emas pertama Malaysia dalam acara kata individu remaja wanita, dengan menewaskan pencabarnya dari Taiwan Chen Po-Jen, 4-1.

Kejohanan tersebut, berlangsung dari 8 hingga 11 September. - ©BERNAMA

## TAHUKAH AWDA

**PERBEZAAN** bagi Sijil Halal dan Permit Halal ialah Sijil Halal hendaklah dipohonkan oleh mana-mana orang yang memiliki suatu perniagaan yang menyediakan makanan di suatu tempat selain daripada kemudahan pemprosesan produk. Permit Halal pula hendaklah dipohonkan oleh mana-mana orang yang memiliki suatu perniagaan yang menyediakan makanan di kemudahan pemprosesan produk.

**SUMBER :** *mora.gov.bn.*